

**HUBUNGAN KOMITMEN, PENGETAHUAN DAN
SISTEM OPERASI DENGAN KESIAPSIAGAAN
MENGHADAPI BENCANA BANJIR: SATU KAJIAN KES
DI PEJABAT DAERAH KUBANG PASU**

Oleh:

RAIHAN FITRI AGUSTINA

MASTER OF SCIENCE (MANAGEMENT)

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

2013

**HUBUNGAN KOMITMEN, PENGETAHUAN DAN SISTEM
OPERASI DENGAN KESIAPSIAGAAN MENGHADAPI
BENCANA BANJIR: SATU KAJIAN KES DI PEJABAT DAERAH
KUBANG PASU**

Oleh:

RAIHAN FITRI AGUSTINA

Kertas Projek Sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat keperluan Ijazah
Sarjana Sains (Pengurusan) kepada Kolej Peniagaan (COB)
Universiti Utara Malaysia

KEBENARAN MENGGUNA

Kertas Projek penyelidikan ini dikemukakan sebagai memenuhi keperluan pengijazahan Program Sarjana Sains Pengurusan, Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah. Saya bersetuju membenarkan pihak Perpustakaan UUM untuk mempamerkannya sebagai bahan rujukan umum. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhannya atau sebahagian daripada kertas projek ini untuk tujuan akademik adalah dibolehkan dengan kebenaran penyelia projek penyelidikan ini atau Dekan Penyelidikan dan Pasca Ijazah, Kolej Peniagaan UUM. Sebarang bentuk salinan atau cetakan bagi tujuan komersial adalah dilarang tanpa kebenaran tertulis daripada penyelidik. Pernyataan rujukan kepada penyelidik dan UUM perlulah dinyatakan jika sebarang bentuk rujukan ke atas kertas projek ini dibuat.

Kebenaran untuk menyalin atau menggunakan kertas kerja penyelidikan ini sama ada keseluruhan atau sebahagian daripadanya hendaklah dipohon melalui:

Dekan

Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business

Universiti Utara Malaysia

06010 Sintok

Kedah Darul Aman

ABSTRAK

Bencana banjir yang terlibat Kubang Pasu pada 2010 menyebabkan kerugian harta benda dan ribuan korban manusia berpindah untuk menyelamatkan nyawanya. Bencana Banjir adalah peristiwa terbenamnya daratan (yang biasanya kering) kerana kelantangan air yang meningkat. Banjir boleh terjadi kerana peluapan air yang berlebihan di suatu tempat akibat hujan besar, peluapan air sungai, atau pecahnya empangan sungai. Banjir boleh di ertikan sebagai badan air, yang melimpah keluar dari tebing sungai, tasik atau sistem longkang disebabkan oleh hujan lebat, pencairan ais, air pasang, dan halangan pada saluran. (Menurut Arahan No.20 Majlis Keselamatan Negara). Kawasan-kawasan yang terkena bencana banjir iaitu Koding, Megat Dewa, Tunjang dan Sungai Korok. Pengurusan bencana banjir secara langsung mengatasi keperluan masyarakat yang di kawasan terkena banjir. Dalam hal ini Pejabat Daerah Kubang Pasu melakukan kesiapsiagaan dengan mempunyai komitmen, memberi latihan dan kursus (pengetahuan) dan sistem operasi dalam hal pengurusan melakukan kesiapsiagaan bencana banjir. Kesiapsiagaan ertinya pengetahuan dan keupayaan yang dibangunkan oleh agensi, masyarakat dan individu supaya berkebolehan untuk menjangka, bertindak balas dan pulih daripada kesan-kesan bencana secara efektif. Tindakan kesiapsiagaan termasuklah penyusunan rencana mengatasi bencana, pemeliharaan dan latihan kakitangan. (Menurut Arahan No.20 Majlis Keselamatan Negara). Arahan No.20 Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah banyak menjelaskan dan mengatur semua yang mengenai hal kesiapsiagaan sebagai pedoman bagi Pejabat Daerah Kubang Pasu. Tujuan penyelidikan ini untuk mengetahui sejauh mana Pejabat Daerah Kubang Pasu, agensi-agensi dan masyarakat melakukan kesiapsiagaan bencana banjir. Data diperolehi dari hasil temubual dan laporan-laporan yang dikeluarkan sendiri oleh Pejabat Daerah Kubang Pasu terutama yang berkaitan dengan kesiapsiagaan bencana banjir. Dari hasil kajian menunjukkan bahawa Pejabat Daerah Kubang Pasu secara komitmen, pengetahuan dan sistem operasi sangat berpengaruh dan memberi sokongan terhadap kesiapsiagaan dalam menghadapi bencana banjir. Disyorkan kepada Pejabat Daerah Kubang Pasu ialah sebagaimana berikut: 1) komited membantu masyarakat dan meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi bencana banjir berupa latihan dan kursus pengendalian bencana banjir, 2) menaiktarafkan system operasi dalam kesiapsiagaan bencana banjir.

Kata kunci: kesiapsiagaan, pengurusan bencana banjir.

PENGHARGAAN

Pertama dan utama sekali puji syukur saya panjatkan ke hadirat Allah Subhanahu Wa Ta'ala yang telah memberikan taufik dan hidayahNya kepada saya, sehingga laporan kajian kes ini dapat diselesaikan. Selanjutnya saya ingin merekamkan penghargaan kepada individu-individu yang telah memberikan sumbangan bagi membolehkan saya melengkapkan kajian kes Sarjana saya ini.

Melalui kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan rasa terima kasih yang tak terhingga kepada Dr. Fais Bin Ahmad sebagai penyelia kertas projek ini serta Amirah Khairiah Binti Abdul Latip, BCK. selaku penyelia daripada Pejabat Daerah Kubang Pasu di atas tunjuk ajar, bimbingan serta nasihat yang diberikan sehingga terhasilkan kerja projek ini.

Seterusnya, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Pejabat Daerah Kubang Pasu terutamanya pegawai dan juga kakitangan Bahagian Pembangunan dan Pentadbiran yang telah banyak memberikan bantuan sepanjang saya melaksanakan program latihan industri di Pejabat Daerah Kubang Pasu. Ucapan jutaan terima kasih juga kepada Unit Bilik Gerakan Banjir yang telah memberi peluang kepada saya untuk mengikuti program ini seterusnya membenarkan kajian projek dilaksanakan di Pejabat Daerah Kubang Pasu

Terima kasih dan penghargaan yang tinggi saya dedikasikan kepada Suami tercinta Muhammad Isnain Amin dan calon buah hati yang dengan penuh pengorbanan dan kesabaran memberi motivasi, semangat sepanjang penyelidikan ini. Serta keluarga besar, Ayahanda Alm.L.Effendy dan Ibunda Hj.Mukminah serta Ayahanda dan Ibunda mertua

tersayang dan abang-abang, kakak-kakak, adik, dan ponakan yang atas dorongan dan semangat yang kalian berikan merupakan azimat berguna sebagai pencetus inspirasi serta membentuk kekuatan diri dalam mendepani perjuangan ini.

Terima kasih saya dedikasikan kepada kakitangan Perpustakaan Sultanah Bahiyah Universiti Utara Malaysia, yang telah memberikan perkhidmatan yang menyenangkan selama saya memerlukan rujukan penyelidikan.

Akhir kata, sekalung penghargaan dan terima kasih buat semua yang telah terlibat dalam memberikan kerjasama kepada saya untuk menyiapkan tugas ini yang tidak dapat saya nyatakan satu persatu di sini. Hanya Allah SWT sahaja yang tulus dari kita semua ini bakal mendapat keberkatan dan keredhaan dari Allah SWT.

Raihan Fitri Agustina

Kedah

2012

KANDUNGAN

KEBENARAN MENGGUNA	i
ABSTRAK	ii
PENGHARGAAN	iii
JADUAL RAJAH	v
SENARAI SINGKATAN	vii

BAB SATU PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	3
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Skop Kajian.....	5
1.5 Kepentingan Kajian	5

BAB DUA LATAR BELAKANG ORGANISASI

2.1 Latar Belakang Pejabat Daerah Kubang Pasu	6
2.2 Struktur Organisasi	6
2.3 Fungsi Pejabat Daerah Kubang Pasu	7
2.4 Visi Dan Misi Pejabat Daerah Kubang Pasu	8
2.5 Latarbelakang Jawatankuasa Bencana Banjir Daerah	8
2.5.1 Struktur Jawatankuasa Bencana Banjir Daerah	8
2.5.2 Ahli Jawatankuasa	10
2.5.3 Tahap-tahap Pengurusan Bencana	13

BAB TIGA ISI UTAMA

3.1 Sorotan Karya	15
3.2 Definisi Konsep-konsep yang Berkaitan	15
3.2.1 Sifat Kesiapsiagaan	22
3.2.2 Elemen-Elemen Penting Kesiapsiagaan	23

3.2.3	Sistem Amaran Awal	25
3.3	Kajian Bahaya Bencana Banjir	25
3.3.1	Gejala dan Amaran Awal	26
3.3.2	Papan Duga Muka Air /Paras Ketinggian Air	27
3.3.3	Pusat Pemindahan.....	27
3.3.4	Komponen yang Terancam	28
3.4	Kajian Faktor-Faktor Kritikal	30
3.5	Kerangka Kajian	31
BAB EMPAT	KAEDAH KAJIAN	
4.1	Pengenalan	33
4.2	Reka Bentuk Penyelidikan.....	34
4.2.1	Data Primer.....	35
4.2.2	Data Sekunder	36
4.3	Kaedah Analisis	37
BAB LIMA	DAPATAN KAJIAN	
5.1	Pengenalan	38
5.2	Kaedah Analisis	38
5.3	Analisis Berdasarkan Komitmen, Pengetahuan, Dan Sistem Operasi Serta Target Kesiapsiagaan Menghadapi Bencana Banjir	40
5.4	Pertalian Antara Komitmen dan Kesiapsiagaan Menghadapi Bencana di Daerah Kubang Pasu.....	40
5.5	Pertalian Antara Pengetahuan dan Kesiapsiagaan Menghadapi Bencana Banjir di Daerah Kubang Pasu.....	43
5.6	Pertalian Antara Sistem Operasi Dan Kesiapsiagaan Menghadapi Bencana Banjir di Daerah Kubang Pasu.....	48
5.7	Target	52
BAB ENAM	KESIMPULAN DAN CADANGAN	
6.1	Kesimpulan	56

6.2	Halangan Yang Dihadapi Dalam Penulisan.....	58
6.3	Cadangan	58

RUJUKAN

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL DAN RAJAH

Muka Surat

Jadual 1 : Kawasan Bencana Banjir Di Daerah Kubang Pasu	2
Jadual 2 : Responden.....	39
Rajah 1 : Kerangka Konsepproses Kesiapsiagaan Bencana Banjir Pejabat Daerah Kubang Pasu	31

SINGKATAN

1. MKN = Majlis Keselamatan Negara
2. JKM = Jabatan Kebajikan Masyarakat
3. JPS = Jabatan Pengairan dan Saliran
4. JPBD = Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah
5. JPBN = Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri
6. JPBP = Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat
7. PKOB = Pusat Kawalan Operasi Bencana
8. PKTK = Pusat Kawalan Tempat Kejadian
9. JPBBDD = Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Daerah
10. JPBBN = Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negeri
11. JPBBP = Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Pusat
12. PDKP = Pejabat Daerah Kubang Pasu

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kubang Pasu ialah sebuah Daerah yang terletak paling utara di Negeri Kedah Darul Aman. Ianya bersempadan dengan Negara Thailand di bahagian utara, Daerah Padang Terap disebelah timur, Daerah Kota Setar di selatan, Negeri Perlis Indera Kayangan dan Selat Melaka di sebelah barat.

Mengikuti banci tahun 2010, jumlah keseluruhan penduduk Daerah Kubang Pasu seramai 214,479 orang. Di daerah ini bilangan penduduk lelaki seramai 104,688 orang, manakala penduduk perempuan 109,791 orang. Komposisi mengikut etnik, kaum Melayu adalah paling ramai iaitu 132,306 orang (83.7%), diikuti kaum Cina 18,476 orang (11.7%), india 4913 (3.1%) dan lain-lain kaum 2494 orang (1.6%).

Jumlah mukim di Daerah Kubang Pasu sebanyak 21 mukim yang ditadbir oleh 19 penghulu. Mukim-mukim yang terdapat di daerah Kubang Pasu ialah Jitra, Naga, Tunjang, Padang Perahu, Ah, Pering, Putat, Keplu, Jerlun, Jeram, Sanglang, Bukit Tinggi, Wang Tepus, Pelubang, Temin, Sungai Laka, Gelong, Malau, Binjal, Hosba dan Kubang Pasu.

Luas Daerah Kubang Pasu ialah 94,596 hektar (945.971 km persegi) sebahagian besar daerah ini merupakan tanah rata dengan sedikit kawasan berbukit di sebelah berbukit di sebelah timur. Sebanyak 35% (33,773 hektar) tanah di daerah ini dalam kawasan MADA manakala 65% (60,824 hektar) di luar kawasan MADA. Siri tanah di Kubang Pasu terdiri daripada tanah lanar, tanah asal dan sedikit sahaja tanah

Bandar/tanah lombong. Keseluruhan tanah di daerah ini sesuai untuk pertanian kecuali tanah lombong/tanah asal dan kawasan tanah curam.

Daerah Kubang Pasu ialah Daerah yang potensi bencana banjir yang sangat tinggi contohnya sebagaimana yang telah berlaku pada tahun 2010. Salah satunya ialah bencana banjir kilat, di mana keadaan ini berpunca daripada kawasan tanah tinggi dalam daerah tersebut yang cuma sepuluh peratus sahaja, selebihnya adalah tanah rata yang rendah.

KAWASAN BENCANA BANJIR DI DAERAH KUBANG PASU

Kawasan Banjir	Tarikh Banjir
Kodiang	1 Nov 2010 (Petang)
Megat Dewa	2 Nov 2010 (Pagi)
Tunjang	2 Nov 2010 (Petang)
Sungai Korok	2 Nov 2010 (Petang)

Catatan: Data taklimat banjir Kubang Pasu 2010

Negara Malaysia merupakan negara tropika yang sumber airnya berlebihan. Apabila kapasiti air berlebihan maka air tersebut boleh dikategorikan banjir. Banjir dapat kategorikan empat bahagian iaitu;

1. Banjir yang disebabkan oleh hujan lebat yang melebihi kapasiti penyaluran sistem pengaliran air yang terdiri daripada sistem sungai semulajadi dan sistem peparitan buatan manusia.

2. Banjir yang disebabkan meningkatnya muka air di sungai sebagai akibat pasang laut mahupun meningginya gelombang laut akibat badai.
3. Banjir yang disebabkan oleh kegagalan bangunan air buatan manusia seperti empangan, bending, tanggul, dan bangunan kawalan banjir.
4. Banjir akibat kegagalan empangan alam atau penyumbatan aliran sungai akibat runtuhnya / longsornya tebing sungai. Ketika sumbatan / empangan tidak dapat menahan tekanan air, maka empangan akan hancur, air sungai yang terbandung mengalir deras sebagai banjir kilat.

1.2 Pernyataan Masalah

Pada umumnya banjir di Daerah Kubang Pasu disebabkan oleh curah hujan yang tinggi di atas biasa, sehingga sistem pengaliran air yang terdiri dari sungai dan anak sungai semulajadi serta sistem saluran peparitan dan saluran takungan banjir buatan yang ada tidak mampu menampung pengumpulan air hujan tersebut sehingga meluap. Kemampuan / daya tampung sistem pengaliran air dimaksudkan tidak selamanya sama, tetapi berubah akibat sedimentasi, penyempitan sungai akibat fenomena alam dan perbuatan manusia, tersumbat sampah dan halangan lain.

Penyahhutan di daerah tangkapan air hujan (Catchment area) juga menyebabkan peningkatan debit banjir kerana debit / bekalan air yang masuk ke dalam sistem aliran menjadi tinggi sehingga melebihi kapasiti pengaliran dan menjadi sedimentasi di sistem pengaliran air dan bekas air yang lain. Disamping itu, pengurangan kawasan resapan air juga menyumbang atas peningkatan debit banjir. Pada kawasan penempatan di mana telah padat dengan bangunan sehingga tahap resapan air ke dalam tanah berkurang, jika berlaku hujan dengan curahan hujan yang

terus masuk ke dalam sistem pengaliran air sehingga kapasitasnya melebihi dan mengakibatkan banjir.

Pada umumnya banjir yang berupa genangan mahupun banjir kilat bersifat merosakkan. Aliran arus air yang cepat dan bergolak (turbulent) meskipun tidak terlalu dalam boleh menghanyutkan manusia, haiwan, dan harta benda. Aliran air yang membawa bahan tanah yang halus akan mampu mengheret bahan yang lebih berat, sehingga daya rosaknya akan semakin tinggi. Air banjir yang pekat ini akan mampu merosakkan asas bangunan, jambatan, dan objek lain yang dilewati sehingga menyebabkan kerosakan yang teruk pada bangunan-bangunan tersebut, bahkan mampu merobohkan bangunan dan menghanyutkannya. Pada saat air banjir telah surut, bahan yang terbawa banjir akan diendapkan dan boleh mengakibatkan kerosakan pada tanaman, perumahan serta timbulnya wabak penyakit.

Banjir kilat (*flash flood*) biasanya berlaku pada aliran sungai yang cerun dasar sungainya curam. Aliran banjir yang tinggi dan sangat cepat boleh mencapai ketinggian lebih dari 12 meter (banjir daerah Kubang Pasu, 2010). Limpasannya dapat membawa batu besar / bongkahan dan pokok-pokok serta merosakkan / menghanyutkan apa saja yang dilalui namun cepat surut kembali. Banjir seperti ini boleh menyebabkan manusia terkorban (kerana tidak sempat melarikan diri) mahupun kerugian harta benda yang besar dalam masa yang singkat.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut :

- i. Untuk mengetahui pertalian antara komitmen dan kesiapsiagaan menghadapi bencana banjir di Daerah Kubang Pasu.
- ii. Untuk mengetahui pertalian antara pengetahuan dan kesiapsiagaan menghadapi bencana banjir di Daerah Kubang Pasu.
- iii. Untuk mengetahui pertalian antara sistem operasi dan kesiapsiagaan menghadapi bencana banjir di Daerah Kubang Pasu.

1.4 Skop Kajian

Skop kajian merupakan Daerah Kubang Pasu yang terlibat bencana banjir dan merupakan kes yang ada di Pejabat Daerah Kubang Pasu. Oleh kerana itu skop kajian penulis akan mendeskripsikan pelan tindakan dalam kesiapsiagaan mengatasi banjir (flood management) yang dilakukan Pejabat Daerah Kubang Pasu dengan memberi tumpuan kepada hubungan komitmen, pengetahuan dan sistem operasi dengan kesiapsiagaan menghadapi banjir.

1.5 Kepentingan Kajian

Kepentingan Kajian ini dapat dilihat sebagaimana berikut :

1. Sebagai maklumat dan bahan rujukan bagi pejabat-pejabat yang terlibat dalam kesiapsiagaan bencana banjir.
2. Untuk kegunaan penyelidik bagi memperdalam ilmu pengetahuan dalam bidang ke pengurusan.
3. Bahan perbandingan dan rujukan bagi penyelidik selaku kaki tangan di kerajaan Aceh.

BAB DUA

LATARBELAKANG ORGANISASI

2.1 Latarbelakang Pejabat Daerah Kubang Pasu

Sebelum tahun-tahun tujuh puluhan Pejabat Daerah Kubang Pasu menggunakan bangunan berkayu dan berkongsi dengan Mahkamah Majistret Jitra. Bangunan baru siap dibina pada tahun 1980 dan perasmianya telah disempurnakan oleh KYDMM Tuanku Sultan Kedah pada 22.1.1980. Pejabat Tanah dan Galian, Pejabat Kebajikan Kubang Pasu dan Pejabat Majlis Daerah Kubang Pasu juga ditempatkan di Komplek Pejabat Daerah ini.

Sehingga hari ini Daerah Kubang Pasu sudah ada 34 Pegawai Daerah. Pegawai Daerah pertama ialah Che Shuib b. Hj. Md. Zain (1912) dan Pegawai Daerah sekarang adalah Dato' Abdul Aziz Bin Haji Abd. Ghani, DSDK., AMK., BCK. (2012-sekarang). Pejabat Daerah Kubang Pasu telah dipindahkan ke Kompleks Pentadbiran baru di Paya Kemunting yang bernilai RM39.8 juta. Kompleks 3 blok ini menempatkan Pejabat Daerah, Pejabat Tanah, Majlis Daerah Kubang Pasu (MDKP) dan Dewan Utama.

2.2 Struktur Organisasi

Pejabat Daerah Kubang Pasu diketuai oleh Pegawai Daerah yang dilantik oleh kerajaan Negeri Kedah Darulaman. Beliau dibantu oleh seorang Ketua Penolong Pegawai Daerah, 2 orang Penolong Pegawai Daerah iaitu Penolong Pegawai Daerah 1 (pentadbiran), Penolong Pegawai Daerah 2 (Pembangunan). Selain mengetuai pentadbiran jabatannya, Pegawai Daerah juga bertanggungjawab untuk merancang

projek-projek pembangunan di peringkat daerah dengan bantuan jabatan-jabatan kerajaan yang terdapat di peringkat daerah. Daerah Kubang Pasu mempunyai 56 jabatan kerajaan dan agensi-agensi kerajaan. Carta organisasi bagi Pejabat Daerah Kubang Pasu seperti di lampiran 1.

Daerah Kubang Pasu bertanggungjawab terhadap pembangunan bagi 21 mukim. Mukim-mukim tersebut ialah Jitra, Naga, Tunjang, Padang Perahu, Ah, Putat, Keplu, Jerlun, Jeram, Sanglang, Temin, Pelubang, Bukit Tinggi, Wang Tepus, Sungai Laka, Gelong, Malau, Binjal, Hosba dan Kubang Pasu. Seramai 19 orang penghulu ditugaskan di setiap mukim bagi membantu Pejabat Daerah Kubang Pasu dalam hal-hal pembangunan sosio ekonomi bagi mukim-mukim tersebut. Segala perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan dan projek-projek pembangunan di dalam daerah akan dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pembangunan. Pegawai Daerah Kubang Pasu juga bertugas sebagai Yang DiPertua Majlis Daerah Kubang Pasu.

2.3 Fungsi Pejabat Daerah Kubang Pasu

- Unit Pentadbiran

Memastikan pengutipan hasil kerajaan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

Memastikan pengeluaran lesen dan penguatkuasaan undang-undang di bawah akta yang terletak di bawah undang-undang kuasa pejabat daerah dilaksanakan dengan sewajarnya.

- Unit Pembangunan

Merancang, menyelaraskan dan melaksanakan projek pembangunan untuk kesejahteraan rakyat hingga ke peringkat yang maksima dalam mencapai wawasan Negara.

Meningkatkan usaha untuk memperbaiki dan meninggikan taraf hidup penduduk luar Bandar terutama dalam membasmi kemiskinan.

2.4 Visi dan Misi Pejabat Daerah Kubang Pasu

Visi adalah rumusan umum mengenai keadaan yang diinginkan pada akhir tempoh perancangan, sedangkan Misi adalah rumusan umum mengenai usaha-usaha yang akan dilaksanakan untuk mewujudkan Visi. Maka visi dan misi dari Pejabat Daerah Kubang Pasu ialah :

- Visi.

Menjadi agensi pentadbiran daerah yang cemerlang dan gemilang.

- Misi.

Untuk melengkapkan kemudiam asas, infrastruktur dan memajukan sosio ekonomi rakyat melalui kesepakatan rakyat demi kemajuan daerah, negeri dan kesejahteraan rakyat.

2.5 Latarbelakang Jawatankuasa Bencana Daerah

Memandang kajian ini hanya tertumpu kepada isu-isu pengurusan bencana banjir di daerah ini, latarbelakang Jawatankuasa Bencana Banjir Daerah di huraikan secara terperinci di bawah.

2.5.1. Struktur Jawatankuasa Bencana Banjir Daerah

Tumpuan utama pengurusan bencana banjir adalah ke arah pengurangan risiko bencana secara berterusan melalui program-program pencegahan peredaan dan kesiapsiagaan menghadapi bencana banjir. Usaha ini adalah selaras dengan inisiatif yang dilakukan oleh Pejabat Daerah.

Pengurusan bencana banjir juga hendaklah dikendalikan secara bersepadu oleh semua agensi supaya tindakan di setiap peringkat menjadi lebih efisien dan efektif. Pejabat Daerah Kubang Pasu memiliki satu jabatan yang menangani masalah banjir iaitu JAWATANKUASA BENCANA BANJIR (PERINGKAT DAERAH) Pejabat Daerah Kubang Pasu. (Menurut arahan no.20 Majlis Keselamatan Negara). Nama-nama pengurus banjir ini disebut dalam Bilik Gerakan Banjir. (Sila rujuk lampiran 2)

Pengerusi : Pegawai Daerah Kubang Pasu

Antara bidang tugas pengerusi termasuk:

Pegawai Daerah sebagai pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) bertanggungjawab melaksanakan segala tindakan berkenaan operasi mencari dan menyelamatkan, pengambilalihan dan penyediaan peralatan jentera serta lain-lain bantuan kecemasan seperti makanan dan rawatan dan memastikan ianya dilaksanakan dan diuruskan secara teratur dan terselaras.

Timb. Pengerusi : Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan)

Antara bidang tugas Timb. pengerusi termasuk:

1. Melaksanakan dasar, strategi, arahan, pelan tindakan dan hala tuju dalam mengendalikan sesuatu Bencana di Peringkat Daerah.
2. Mengarusperdanakan langkah-langkah Pengurangan Risiko Bencana melalui semua Agensi Kerajaan di Peringkat Daerah secara berkesan.

Setiausaha: **Penolong Pegawai Daerah (Pentadbiran)**

Antara bidang tugas setiausaha termasuk:

1. Melaksanakan dan memantapkan penyampaian Sistem Amaran Awal Bencana secara berkesan kepada Agensi Kerajaan dan orang awam.
2. Melaksanakan latihan pengurusan bencana yang bersepadu di antara agensi kerajaan dari semasa ke semasa bagi memenuhi tahap kemahiran yang diperlukan dalam menghadapi sesuatu bencana.
3. Melaksanakan program pembangunan keupayaan dan kesedaran awam di Peringkat Daerah dalam usaha menjadikan masyarakat lebih berdaya tahan dalam menghadapi Bencana.

2.5.2 Ahli Jawatankuasa

Ahli jawatankuasa terdiri dari pihak-pihak berikut:

- Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Kubang Pasu
- Majlis Keselamatan Negara
- Pejabat Tanah Daerah Kubang Pasu
- Majlis Daerah Kubang Pasu
- Pejabat Kesihatan Daerah Kubang Pasu
- Polis Diraja Malaysia
- Bomba dan Penyelamat Malaysia
- Jabatan Pertahanan Awam Malaysia
- Persatuan Bulan Sabit Malaysia
- Angkatan Tentera Malaysia
- Pasukan SMART (Jabatan Perdana Menteri)
- Pejabat Pelajaran Daerah Kubang Pasu

- Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Kubang Pasu
- Jabatan Kerja Raya
- Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)
- Pejabat Pertanian Daerah Kubang Pasu
- Jabatan Meteorologi Malaysian
- Penghulu Mukim

Antara bidang tugas ahli jawatankuasa termasuklah:

1. Menubuhkan Kumpulan Kerja yang bertanggungjawab kepada JPBD bagi melicinkan pengurusan Bencana di tempat kejadian. Kumpulan Kerja terlibat adalah seperti berikut:
 - i. Kumpulan Kerja Kawalan Keselamatan diterajui oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM);
 - ii. Kumpulan Kerja Mencari dan Menyelamat diterajui oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM);
 - iii. Kumpulan Kerja Perkhidmatan Kesihatan dan Perubatan diterajui oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
 - iv. Kumpulan Kerja Kebajikan diterajui oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM);
 - v. Kumpulan Kerja Sokongan Logistik diterajui oleh Jabatan Kerja Raya (JKR);
 - vi. Kumpulan Kerja Pengurusan Media diterajui oleh Jabatan Penerangan; dan
 - vii. Kumpulan Kerja Teknikal dan Pakar diterajui oleh agensi pakar bagi sesuatu bencana yang berlaku.

2. Menumbuhkan Jawatankuasa Penilaian bagi tujuan taksiran kerugian dan Pemulihan yang siakibatkan oleh Bencana.
3. Mengangkat cadangan bantuan ihsan dan bantuan Pemulihan, sekiranya perlu kepada Kerajaan Negeri.
4. Menentukan operasi mencari dan menyelamatkan dijalankan secara lancar dan berkesan.
5. Mengenalpasti dan menumbuhkan pusat-pusat pemindahan dan pangkalan hadapan.
6. Memantapkan peranan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung/Taman dalam melaksanakan penyelarasan dan Tindak Balas awal terhadap kejadian Bencana.
7. Merancang dan melaksanakan program Pencegahan, Kesiapsiagaan, Tindak Balas dan Pemulihan di Peringkat Daerah.
8. Mewujudkan dan mengemaskini profil kawasan berisiko Bencana di Peringkat Daerah tujuan perancangan pembangunan dan Tindak Balas Bencana.
9. Mewujudkan pangkalan data mengenai peralatan, kelengkapan dan senarai kepakaran di Peringkat Daerah yang diperlukan dalam pengurusan Bencana.
10. Menubuhkan PKOB (Pusat Kawalan Operasi Bencana) dengan secepat mungkin selepas sesuatu kejadian Bencana dan mengaktifkannya termasuklah mewujudkan sistem perhubungan dengan PKTK (Pusat Kawalan Tempat Kejadian).
11. Menyelaraskan keperluan pengurusan dan bantuan Bencana seperti menentukan bantuan logistik dan mengambil alih (requisition)

peralatan/jentera yang diperlukan secara sementara kepunyaan Agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela serta orang perseorangan semasa operasi Tindak Balas Bencana.

12. Menentukan bantuan yang komprehensif seperti kebajikan, makanan, tempat tinggal, kesihatan, perlindungan dan keselamatan kepada mangsa dan anggota penyelamat.
13. Memastikan post-mortem dilakukan selepas sesuatu Bencana bagi tujuan memperakukan penambahbaikan terhadap sistem pengurusan Bencana yang dilaksanakan.
14. Menyediakan laporan mengenai pengendalian dan pengurusan Bencana yang berlaku meliputi aspek operasi mencari dan menyelamatkan serta bantuan kecemasan dan Pemulihan yang diberikan kepada mangsa-mangsa.

2.5.3 Tahap-Tahap Pengurusan Bencana

Jawatankuasa Eksekutif

- Bencana Tahap I

Jawatankuasa Pengurusan Bantuan & Bencana Daerah (JPBBD)

- Bencana Tahap II

Jawatankuasa Pengurusan Bantuan & Bencana Negeri (JPBBN)

- Bencana Tahap III

Jawatankuasa Pengurusan Bantuan & Bencana Pusat (JPBBP)

Tahap Pengurusan Bencana.

1. Tahap I (Daerah)

- Kejadian di peringkat setempat, terkawal, tidak berpotensi untuk merebak

- Dikendalikan oleh Pihak Berkuasa di Peringkat Daerah berdasarkan kemampuan agensi-agensi setempat
2. Tahap II (Negeri)
- Kejadian yang lebih serius, meliputi 2 Daerah dan berpotensi untuk merebak
 - Jawatankuasa Peringkat Negeri membantu dari segi kewangan, aset, sumber manusia
3. Tahap III (Pusat)
- Bencana yang bersifat kompleks meliputi kawasan yang lebih luas serta jangka masa lama,
 - Memerlukan pengemblengan aset, sumber manusia dan kewangan.

Jawatankuasa Pengurusan

JK Pengurusan dan Bantuan Bencana Daerah (JPBBD) :

- Pengerusi: Pegawai Daerah
- Memastikan segala tindakan terselaras, aset dan sumber manusia mencukupi, berhubung dengan media

JK Pengurusan dan Bantuan Bencana Negeri (JPBBN) :

- Pengerusi: Setiausaha Kerajaan Negeri
- Memberi bantuan kepada Daerah seperti bantuan kewangan, aset dan sumber manusia

JK Pengurusan dan Bantuan Bencana Pusat (JPBBP) :

- Pengerusi: YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri
- Menentukan dasar pengurusan bencana negara, kewangan, aset dan sumber manusia.

BAB TIGA

SOROTAN KARYA

3.1 Pengenalan

Kesiapsiagaan bencana banjir dapat dianggap sebagai salah satu agenda yang penting, bagi suatu jabatan-jabatan, agensi, dan masyarakat. Dalam bab ini, penulis menghuraikan mengenai konsep dan proses dengan cara yang lebih terperinci.

3.2 Definisi Konsep-konsep yang Berkaitan

Bencana ertinya suatu kejadian yang menyebabkan gangguan kepada aktiviti masyarakat dan urusan negara, melibatkan kehilangan nyawa, harta benda, kerugian ekonomi dan kemusnahan alam sekitar yang melangkaui kemampuan masyarakat untuk mengatasinya dan memerlukan tindakan penggembleran sumber yang ekstensif. (Menurut Arahan No.20 Majlis Keselamatan Negara).

Bencana Banjir adalah peristiwa terbenamnya daratan (yang biasanya kering) kerana kelantangan air yang meningkat. Banjir boleh terjadi kerana peluapan air yang berlebihan di suatu tempat akibat hujan besar, peluapan air sungai, atau pecahnya empangan sungai. Banjir boleh di ertikan sebagai badan air, yang melimpah keluar dari tebing sungai, tasik atau sistem longkang disebabkan oleh hujan lebat, pencairan ais, air pasang, dan halangan pada saluran. (Menurut Arahan No.20 Majlis Keselamatan Negara).

Kesiapsiagaan ertinya pengetahuan dan keupayaan yang dibangunkan oleh agensi, masyarakat dan individu supaya berkebolehan untuk menjangka, bertindak balas dan pulih daripada kesan-kesan bencana secara efektif. Tindakan kesiapsiagaan

termasuklah penyusunan rencana mengatasi bencana, pemeliharaan dan latihan kakitangan. (Menurut Arahan No.20 Majlis Keselamatan Negara).

Pencegahan ertinya usaha-usaha yang dijalankan bagi mengelak sesuatu kejadian bencana daripada berlaku. (Menurut arahan no.20 Majlis Keselamatan Negara).

Komitmen ialah sikap (pendirian atau perbuatan) memberikan sepenuh tenaga dan perhatian dan sebagaimana menunjukkan sokongan dan tujuan yang dicapai sepenuhnya kepada sesuatu. Komitmen dalam hal pekerjaan ialah semuanya dihasilkan oleh barisan pekerja yg bersemangat tinggi, bermotivasi, dan keterlibatan secara bersungguh-sungguh dan penuh tanggungjawab dalam melaksanakan sesuatu terhadap kerjaan. Maka komitmen diertikan suatu sikap kebulatan hati yang dimiliki oleh seseorang di dalam mencapai sebuah matlamat, tanpa dapat dipengaruhi oleh keadaan apapun juga, hingga matlamat tersebut tercapai.

Pengetahuan ialah maklumat yang diketahui atau disedari oleh seseorang. Pengetahuan tidak terhad kepada keterangan, hipotesis, konsep, teori, prinsip dan prosedur yang secara kebarangkalian strategik atau kaedah adalah benar atau berguna. Maka pengetahuan boleh juga diertikan pelbagai gejala yang ditemui dan diperolehi manusia melalui pemerhatian akal. Pengetahuan nampak ketika seseorang menggunakan akal budinya untuk mengenali benda atau kejadian tertentu yang belum pernah dilihat atau dirasakan sebelumnya.

Dalam pengertian lain, pengetahuan ialah pelbagai gejala yang ditemui dan diperolehi manusia melalui pemerhatian akal. Pengetahuan muncul ketika seseorang menggunakan akal budinya untuk mengenali benda atau kejadian tertentu yang belum pernah dilihat atau dirasakan sebelumnya seperti kependidikan, latihan dan kursus.

Sistem ialah suatu kumpulan "benda" nyata atau abstrak (*a set of thing*) yang terdiri dari pada bahagian-bahagian yang saling berkaitan, berketergantungan, saling menyokong, yang secara keseluruhan bersatu dalam satu kesatuan (*unity*) untuk mencapai tujuan tertentu secara berkesan.

Sistem operasi ialah sekumpulan aktiviti atau proses yang berstruktur yang mempunyai hubungan dengan menunjukkan susunan rancangan dalam membantu atau mengambil alih kawalan.

Langkah-langkah yang berkaitan komitmen, pengetahuan dan sistem operasi dalam kesiapsiagaan termasuklah :

- Langkah dalam komitmen kesiapsiagaan tertakluk kepada Arahan no.20, semua agensi kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela yang terlibat dalam pengurusan bencana hendaklah, secara bersendirian atau bekerjasama :
 1. Mengenalpasti, mendokumentasi dan memantau serta mengemaskini kawasan yang berisiko menghadapi Bencana mengikut jenis bencana dan bidang kuasa masing-masing;

2. Menyediakan infrastruktur Sistem Amaran Awal Bencana mengikut bidang kuasa masing-masing;
 3. Membangun dan memantapkan keupayaan dari segi sumber manusia dan kompetensi, peralatan, perhubungan dan komunikasi, teknologi, kewangan dan sebagainya supaya langkah tindak balas yang diambil adalah terselaras dan berkesan;
 4. Melaksanakan usaha-usaha meningkatkan kefahaman dan kesedaran mengenai bencana di segenap lapisan masyarakat;
 5. Membangunkan kepakaran dan kemahiran dalam pengurusan Bencana;
 6. Menyediakan pelan tindakan kecemasan dan pelan kesinambungan perkhidmatan atau perniagaan masing-masing;
 7. Menyediakan inventori logistik yang lengkap dan dikemaskini dari semasa ke semasa bagi mempercepatkan tindak balas bencana;
 8. Mengadakan latihan amal secara berterusan untuk menguji tahap kesiapsiagaan bagi menghadapi bencana; dan
 9. melaksanakan lain-lain usaha kesiapsiagaan dari semasa ke semasa.
- Langkah dalam pengetahuan kesiapsiagaan tertakluk kepada Arahan no.20, semua agensi kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela yang terlibat dalam pengurusan bencana hendaklah, secara bersendirian atau bekerjasama :
 1. Latihan Amal Antara Agensi

Latih amal pengurusan dan pengendalian bencana yang melibatkan semua agensi kerajaan hendaklah diadakan secara berterusan bagi

memastikan kesiapsiagaan agensi dalam menghadapi bencana. MKN hendaklah menyelaras latihan amal yang melibatkan semua agensi yang berkenaan dari semasa ke semasa.

2. Kesedaran Dan Kependidikan Awam

Program kesedaran dan kependidikan awam hendaklah dilaksanakan secara berterusan oleh agensi kerajaan dengan kerjasama badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela bagi meningkatkan tahap kesiapsiagaan masyarakat menghadapi bencana.

3. Latihan Dan Kursus

Semua agensi kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan badan sukarela yang terlibat dalam pengurusan bencana hendaklah mengadakan program latihan dan kursus yang bersesuaian bagi mempertingkatkan keupayaan kakitangan dalam mengurus dan mengendalikan bencana.

- Langkah dalam sistem operasi kesiapsiagaan tertakluk kepada Arahan no.20, semua agensi kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela yang terlibat dalam pengurusan bencana iaitu BILIK GERAKAN BANJIR hendaklah, secara bersendirian atau bekerjasama SISTEM AMARAN AWAL BENCANA

1. Semua agensi kerajaan yang berkenaan hendaklah membangunkan, menyelenggara dan menilai dari semasa ke semasa, satu Sistem Amaran Awal Bencana yang merangkumi:
 2. Penilaian secara berterusan risiko Bencana.
 - i. Sistem maklumat amaran Bencana;

- ii. Rangkaian komunikasi untuk memastikan penyampaian maklumat yang cepat, tepat dan berkesan; dan
 - iii. Kesedaran Awam dan Kesiapsiagaan awam untuk bertindak terhadap maklumat daripada Sistem Amaran Awal.
3. Semua Agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela hendaklah berkongsi maklumat mengenai risiko berlakunya kejadian bencana supaya tindakan segera dapat diambil.

Kesiapsiagaan menurut (Carter, 1991) adalah tindakan-tindakan yang membolehkan kerajaan, organisasi, masyarakat, komuniti, dan individu untuk mampu menanggapi suatu situasi bencana secara cepat dan tepat. Mengikuti (Carter, 1992) menyatakan bahawa konsep pengurusan bencana (concept of disaster management) harus mempunyai pendekatan yang secara komprehensif mengandungi seluruh kitaran pengurusan bencana, iaitu pencegahan (prevention), mitigasi (mitigation), kesiapsiagaan (preparedness), respon (respond), pemulihan (recovery), dan pembangunan berkaitan dengan bencana disaster-related development).

Mendasari suatu struktur kompleks menurut (Yodmani, 2001) konsep pengurusan bencana makin berkembang, dari pendekatan kaunseling teknokratik menjadi pendekatan pengurusan risiko bencana. Pendekatan ini merupakan hasil dari inter-hubungan dari 3 komponen iaitu, penilaian terhadap bahaya (hazard assessment), analisis kerentanan (vulnerability analysis), dan peningkatan kapasiti pengurusan (enhancement of management capacity). Perubahan pendekatan dalam proses pengurusan bencana, juga dilakukan dengan beralihnya sistem top-down

menjadi bottom-up. Masyarakat memegang peranan penting dalam pengurangan risiko bencana di wilayah.

Demikian pula halnya dengan pengurusan bencana banjir berkembang menjadi pengurusan risiko banjir (flood risk management). Pendekatan tersebut menurut (Messner dan Meyer, 2005), mengandung kaitan antara persepsi risiko banjir (flood risk perception), kesiapsiagaan (preparedness), kerentanan (vulnerability), kerusakan akibat banjir (flood damage), dan pengurusan banjir (flood management). Semua elemen tersebut menghasilkan reka bentuk analisis kerusakan akibat banjir (flood damage analysis) dan management risiko banjir (flood risk management).

Pengurusan bencana banjir menurut (Twigg, 2004) terdiri daripada tiga komponen, iaitu mitigasi, kesiapsiagaan, dan pencegahan. Ketiga komponen tersebut dijelaskan sebagaimana berikut:

1. Mitigasi ialah hal-hal yang dilakukan untuk mengurangkan risiko bencana baik struktur (pembangunan fizikal bangunan) mahupun non struktural (pendidikan dan latihan berkaitan bencana dan polisi penggunaan lahan).
2. Kesiapsiagaan ialah langkah-langkah yang diambil sebelum bencana berlaku seperti ramalan, amaran awal, dan responsif kepada bencana.
3. Pencegahan ialah aktiviti yang dilakukan untuk mencegah terjadinya bencana.

Kesiapsiagaan merupakan salah satu bahagian dari proses pengurusan bencana dan di dalam konsep pengurusan bencana yang berkembang saat ini, peningkatan kesiapsiagaan merupakan salah satu elemen penting dari aktiviti pengurangan risiko bencana yang bersifat pro-aktif, sebelum terjadinya suatu bencana. Di dalam proses pengurusan bencana yang direpresentasikan sebagai model kitaran, peningkatan kesiapsiagaan merupakan bahagian dari proses pengurusan risiko bencana. Konsep kesiapsiagaan yang digunakan pada kajian kerangka kadar kesiapsiagaan masyarakat di sini lebih ditekankan pada menyiapkan kemampuan untuk dapat melaksanakan kegiatan respon kecemasan secara cepat dan tepat.

Kegiatan respon kecemasan meliputi langkah-langkah tindakan sesaat sebelum bencana, seperti: amaran awal meliputi penyampaian amaran dan respon terhadap amaran; tindakan saat kejadian bencana, seperti: melindungi/menyelamatkan diri, melindungi nyawa dan beberapa jenis benda berharga, tindakan evakuasi; dan tindakan yang harus dilakukan segera setelah terjadi bencana, seperti: evakuasi, penyediaan tempat berlindung sementara, rawatan kecemasan, dapur umum, bantuan kecemasan, tinjauan (survey) untuk mengkaji kerosakan dan keperluan-keperluan kecemasan serta perancangan untuk pemulihan segera (infrastructure kritis, alat kemasyarakatan, seperti: pendidikan dan ibadah).

3.2.1 Sifat Kesiapsiagaan

Berkaitan dengan perihal di atas, didapati bahawa kesiapsiagaan suatu komuniti biasanya tidak terlepas dari aspek-aspek lain dari kegiatan pengurusan bencana (respon kecemasan, pemulihan dan pembinaan semula, pencegahan dan mitigasi). Untuk menjamin tercapainya suatu tahap kesiapsiagaan tertentu,

diperlukan pelbagai langkah persiapan pra-bencana, sedangkan keberkesanan dari kesiapsiagaan masyarakat dapat dilihat dari pelaksanaan kegiatan respon kecemasan dan pemulihan pasca bencana. Pada saat pelaksanaan pemulihan dan pembinaan semula pasca bencana, harus dibina juga mekanisme kesiapsiagaan dalam menghadapi kemungkinan bencana berikutnya. Selain itu juga perlu diperhatikan sifat dinamik dari suatu keadaan kesiapsiagaan suatu komuniti.

Tahap kesiapsiagaan sesuatu komuniti dapat menurun setiap saat dengan peredaran masa dan dengan berlakunya perubahan-perubahan sosio-budaya, politik dan ekonomi dalam sebuah masyarakat. Oleh demikian, pemantauan yang kerap amatlah penting bagi mengetahui keadaan kesiapsiagaan suatu masyarakat. Kekerapan dari segi pemantauan juga dapat mengekalkan dan meningkatkan tahap kesiapsiagaan tersebut. Dalam konteks pengurangan risiko bencana, dalam jangka panjang diharapkan berlakunya proses perubahan paradigma pemikiran di kalangan masyarakat. Ini bermakna jika sekarang ini masyarakat hanya menunggu arahan dari pihak berkuasa (dalam hal-hal yang berkaitan dengan pengurusan bencana) untuk melakukan sesuatu, maka pada masa akan datang mereka seharusnya bertindak sendiri secara bijaksana apabila berdepan dengan kejadian banjir.

3.2.2 Elemen-elemen Penting Kesiapsiagaan

Dalam mengembangkan dan memelihara suatu tahap kesiapsiagaan, pelbagai usaha perlu dilakukan untuk mengadakan elemen-elemen penting sepertimana berikut:

- Kemampuan koordinasi semua tindakan (adanya mekanisme tetap koordinasi)-kemudahan dan sistem operasi-peralatan dan persediaan keperluan asas atau bekalan (supply).
- Latihan-Kesedaran masyarakat dan pendidikan,-Maklumat-Kemampuan untuk menerima beban yang meningkat dalam situasi kecemasan / krisis. Khususnya kemudahan dan sistem operasi dari suatu kesiapsiagaan, perlu disediakan elemen-elemen berikut ini:-sistem komunikasi kecemasan / sistem siap sedia (stand-by).
- Sistem amaran awal-sistem pengaktifan organisasi kecemasan-pusat pengendalian operasi kecemasan (sebagai pusat pengurusan maklumat). Sistem untuk tinjauan (survey) kerosakan dan pengkajian keperluan-keperluan untuk bantuan darurat (makanan, perlindungan sementara, perubatan dan lain-lain).

Kemudahan-kemudahan penting yang diperlukan untuk dapat melaksanakan kegiatan tindakan kecemasan secara memadai meliputi cara-cara antara lain :

- Kemudahan pertolongan kecemasan (pegawai bomba dan keselamatan, pegawai kesihatan daerah, Ambulan)-hospital / kemudahan kesihatan-bomba-pusat pengendalian operasi kecemasan-Sistem komunikasi kecemasan (TELKOM / Operator Cell / Rangkaian Internet).
- Media maklumat (siaran radio, TV, dan lain)-sistem cadangan tenaga elektrik (Tenaga Nasional)-Penyediaan air bersih kecemasan, Jalur logistik kecemasan (Jalan / Jambatan / Pelabuhan / Lapangan Terbang / Keretapi)-Jalur pelarian-bangunan awam yang selamat untuk perlindungan (sekolah / masjid dan lainnya).

3.2.3 Sistem Amaran Awal

Sistem amaran awal dianggap sebagai bahagian penting daripada mekanisme kesiapsiagaan masyarakat, kerana amaran boleh menjadi faktor kunci penting yang menghubungkan antara tahap kesiapsiagaan dan respons kecemasan. Secara teori bila amaran awal disampaikan tepat pada masa, maka suatu peristiwa yang boleh menimbulkan bencana dahsyat dapat dikurangkan kesan negatifnya. Keberkesanan amaran dalam mengurangkan kesan dari sesuatu bencana bergantung kepada faktor, misalnya : ketepatan amaran; jarak waktu yang tersedia antara keluarnya amaran sampai berlakunya peristiwa yang boleh menimbulkan bencana; sejauhmana pelaksanaan perancangan pra bencana dan kesiapsiagaan masyarakat, termasuk kebolehan masyarakat untuk tanggap amaran tersebut dan melakukan tindakan keselamatan dengan pantas dan tepat.

3.3 Kajian Bahaya Bencana Banjir

Kajian atas kejadian banjir yang telah berlaku sebagai data sejarah dan empiris adalah mustahak kerana ianya boleh digunakan untuk menentukan tingkat kawasan berisiko dan keupayaan bagi menjangkakan banjir suatu daerah, Kajian tersebut antaranya merangkumi:

1. Rakaman atau catatan kejadian bencana yang telah terjadi memberikan indikasi awal akan berulangnya banjir di masa yang akan datang atau dikenali dengan banjir periodik (tahunan).
2. Pemetaan topografi yang menunjukkan kontur ketinggian sekitar kawasan aliran/ sungai yang dilengkapi dengan anggaran keupayaan kapasiti sistem

hidrologi dan luas kawasan tangkapan hujan (catchment area) serta plotting pelbagai luas genangan yang pernah berlaku.

3. Data curahan hujan sangat diperlukan untuk menghitung kemungkinan kelebihan beban atau melebihi kapasiti penyaluran sistem pengaliran air sama ada sistem sungai atau sistem peparitan.

3.3.1 Gejala dan Amaran Awal

Kewujudan banjir biasanya bermula dengan gejala-gejala seperti berikut:

1. Hujan yang lebat pada waktu yang agak lama merupakan petanda akan datangnya bencana banjir di kawasan berisiko bencana banjir (flood-prone area).
2. Paras air pasang laut yang tinggi, disertai ribut juga merupakan petanda-petanda yang banjir akan berlaku dalam tempoh yang terdekat.

Sistem amaran awal dengan menggunakan sistem telemetri pada umumnya kurang berjaya, kerana keterbatasan dana untuk penyelenggaraan atau dan tidak mencukupinya jumlah tenaga dan kemampuannya. Namun amaran awal dapat dilaksanakan dengan cara yang mudah iaitu dengan pembacaan papan duga muka air/paras ketinggian air secara manual yang perlu dilaksanakan pada semua keadaan cuaca (termasuk dalam keadaan hujan lebat), dan menyampaikan perkembangan pembacaan peningkatan muka air melalui radio atau alat komunikasi yang ada.

Kelemahan dari sistem amaran awal yang tersedia ada sekarang ini adalah dari segi penyebar luasan berita amaran awal kepada masyarakat yang berpotensi untuk berdepan atau mengalami bencana banjir. Biasanya kakitangan dari agensi

yang bertanggungjawab menerima berita dengan tepat waktu, namun masyarakat yang menjadi mangsa banjir menerima amaran hanya pada saat-saat terakhir.

Persiapan dan pengedaran peta kawasan berisiko banjir akan membuat masyarakat menyedari bahawa mereka berada di kawasan potensi banjir. Ramalan banjir dan perancangan proses pemindahan atau evakuasi hendaklah disampaikan kepada masyarakat yang berisiko banjir sebagai usaha kesedaran / siap sedia, namun maklumat yang sebenarnya hendaklah disebarkan secara cepat melalui stesen-stesen radio tempatan, telefon dan SMS.

3.3.2 Papan Duga Muka Air /Paras Ketinggian Air

Pembacaan papan duga muka air atau kayu ukur ancaman / paras ketinggian bahaya air boleh ditentukan mengikut:

1. Luas genangan (km², hektar)
2. Kedalaman atau ketinggian air banjir (meter)
3. Kelajuan aliran (meter / saat, km / jam)
4. Bahan yang dihanyutkan aliran banjir (batu, bongkah, pohon, dan benda keras lainnya)
5. Tahap kepekatan air atau tebal endapan lumpur (meter, sentimeter)
6. Lamanya masa genangan (jam, hari, bulan)

3.3.3 Pusat Pemindahan

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dipertanggungjawabkan bagi mengenalpasti pusat-pusat pemindahan banjir bagi memudahkan urusan pemindahan ke tempat atau bangunan yang lebih selamat. Sekiranya bangunan-bangunan

dikenal pasti itu adalah milik persendirian atau di bawah tanggungjawab agensi lain, maka kebenaran hendaklah terlebih dahulu diperolehi. Bangunan tersebut mestilah mempunyai ruangan yang mencukupi dan selamat untuk digunakan.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyediakan 70 senarai pusat-pusat pemindahan banjir untuk Tahun 2011/2012 dan 3 pangkalan hadapan yang akan dibekalkan keperluan asas kesiapsiagaan bencana banjir (menurut buku Pengurusan Bencana Tahun 2011 hingga 2012).

Manakala Pihak polis bertanggungjawab bagi mengawasi dan menentukan keselamatan mangsa banjir di pusat-pusat pemindahan bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku seperti kecurian dan pergaduhan merebut bantuan yang dihulurkan.

3.3.4 Komponen yang Terancam

Bencana banjir mengakibatkan kerugian berupa korban manusia dan harta benda, baik milik perseorangan mahupun milik umum yang mana lanjutan daripada itu boleh melumpuhkan kegiatan sosio ekonomi penduduk. Huraian terperinci tentang korban manusia dan kerosakan pada harta benda dan prasarana umum dihuraikan sebagaimana berikut :

1. Manusia, meliputi :
 1. Jumlah penduduk yang terkorban,
 2. Jumlah penduduk yang hilang,
 3. Jumlah penduduk yang cedera,
 4. Jumlah penduduk yang berpindah.

2. Prasarana umum, meliputi :

1. Sistem Pengangkutan darat yang ditenggelami air, rosak dan hanyut diantaranya : jalan dan jambatan,
2. Kemudahan sosial yang ditenggelami air, rosak dan hanyut diantaranya: sekolah, tempat-tempat ibadat, pasar, dewan orang ramai, klinik kesihatan, hospital, pejabat pos, dan kemudahan sosial yang lain,
3. Kemudahan kerajaan, perusahaan-perkhidmatan, dan kemudahan strategik lain : pejabat agensi kerajaan, kompleks perusahaan, kompleks perdagangan, pencawangan elektrik, penjana elektrik, rangkaian pengedaran gas, pemasangan telekomunikasi yang ditenggelami air, rosak dan hanyut, serta kesannya, contohnya kemudahan atau fasiliti terganggu tidak dapat memberikan perkhidmatan dalam tempoh yang lama,
4. Prasarana pertanian dan perikanan: sawah beririgasi dan sawah tadah hujan yang ditenggelami air dan penurunan atau kehilangan pengeluaran, empangan, gudang makanan dan peralatan pertanian dan perikanan yang ditenggelami air (ditenggelami air lebih dari 3 hari dikategorikan rosak), dan rosak (terjadi penurunan atau kehilangan pengeluaran) kerana banjir, e) prasarana pengairan: empangan, rangkaian pengairan, jaringan peparitan, pintu air, stesen pam, dan sebagainya.

3. Harta benda individu, termasuk :

1. Rumah tinggal yang ditenggelami air, rosak dan hanyut.

2. Harta benda (asset) diantaranya modal barang pengeluaran dan perdagangan, kereta, perabot rumah tangga, dan lain yang tergenang, rosak dan hanyut.
3. Alat pertanian-peternakan-perikanan : peternakan unggas, peternakan haiwan berkaki empat, dan ternakan yang mati dan hilang. Perahu jети dan kemudahan perikanan yang rosak dan hanyut.

3.4 Kajian Faktor-Faktor Kritikal

Pembangunan kerangka kajian bermula dengan melakukan kajian terhadap faktor-faktor kritikal yang mempunyai pengaruh signifikan terhadap kesiapsiagaan masyarakat dalam menghadapi bencana alam, terutama bencana banjir. Kajian ini dilakukan dengan pendekatan partisipatif melibatkan pelbagai komponen yang mempunyai latar belakang dan / atau pengalaman yang berkaitan dengan kebencanaan dan kesiapsiagaan masyarakat. Kajian yang dijalankan menggunakan dua pendekatan, iaitu: percambahan fikiran dan perbincangan kumpulan.

Dengan kombinasi dari dua pendekatan tersebut setiap komponen / peserta kajian mengemukakan pandangan / pendapat dan memberikan sumbangan terhadap faktor-faktor kritikal kesiapsiagaan terhadap bencana. Pandangan dan pendapat peserta kajian ini kemudian disemak semula dan digabungkan dengan hasil kajian literatur / dokumen, sehingga menghasilkan kesepakatan mengenai faktor-faktor kritikal yang sangat diperlukan, penting, mendesak dan sensitif terhadap kesiapsiagaan masyarakat dalam menangani bencana alam. Dari kajian ini disepakati lima faktor kritikal kesiapsiagaan untuk menjangka bencana alam, terutama bencana banjir, telah diambil kira, iaitu:

- 1). Pengetahuan dan sikap terhadap risiko bencana
- 2). Kemahiran dan Panduan
- 3). Rencana untuk Keadaan Darurat Bencana
- 4). Sistem Amaran Bencana
- 5). Kebolehan untuk Memobilisasi Sumber Daya


3.5 Kerangka Kajian

Perkara utama yang cuba diketengahkan dalam bab ini ialah tindakan-tindakan Pejabat Daerah Kubang Pasu dalam melakukan kesiapsiagaan menghadapi bencana banjir seraca efektif dan efisien. Merriem (1998) menyatakan kajian kes digunakan untuk meningkatkan kefahaman yang mendalam tentang subjek yang dikaji, memfokus kepada aspek proses berbanding output, mementingkan penemuan bukannya pengesahan sesuatu teori atau dapatan.

Rajah 1, sebagaimana yang ditunjukkan di bawah merupakan kerangka konsep bagi menerangkan amalan yang dilakukan oleh Pejabat Daerah Kubang Pasu dalam menangani kejadian bencana banjir. Berdasarkan kerangka konsep tersebut, penulis membentuk suatu kerangka teori (sila rujuk rajah 2), bagi memperlihatkan kedudukan pemboleh ubah bebas iaitu komitmen, pengetahuan dan sistem operasi dan hubungkaitnya dengan kesiapsiagaan menghadapi bencana banjir yang merupakan pemboleh ubah bersandar kerangka konsep proses kesiapsiagaan bencana banjir Pejabat Daerah Kubang Pasu.

Rajah 1 – Kerangka Konsepproses Kesiapsiagaan Bencana Banjir

Pejabat Daerah Kubang Pasu



BAB EMPAT

KAEDAH KAJIAN

4.1 Pengenalan

Penulisan ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan cara penulisan naratif-deskriptif. Kaedah ini sesuai dengan tujuan penelitian yang ingin memaparkan bagaimana penulis melakukan aktiviti, Kajian naratif-deskriptif kualitatif bertujuan menggambarkan suatu isu-isu tempatan. Dengan kata lain kajian ini bertujuan untuk menggambarkan isu yang terjadi pada waktu kajian. Kaedah kajian kualitatif ini memberikan maklumat yang lengkap dan bermanfaat bagi perkembangan ilmu pengetahuan serta lebih banyak dapat dilaksanakan pada pelbagai masalah.

Kaedah penyelidikan deskriptif tertumpu pada penyelesaian masalah yang ada pada masa sekarang. Boleh disimpulkan bahawa kaedah deskriptif ini ialah kaedah yang menutur dan mentafsirkan data yang ada, misalnya tentang situasi yang dialami, satu hubungan, aktiviti, pandangan, sikap yang diperlihatkan atau tentang satu proses yang sedang berlangsung, pengaruh yang sedang bekerja, kelainan yang sedang muncul, kecenderungan yang dapat dilihat, pertentangan yang meruncing, dan sebagainya.

Penulis menggunakan hasil temuduga dengan beberapa pihak yang berkaitan dalam carta JAWATANKUASA BENCANA BANJIR (PERINGKAT DAERAH) dalam BILIK GERAKAN BANJIR KUBANG PASU sebagai sebahagian daripada keterangan penulisan. Penulis dalam penulisan ini bertindak sebagai orang yang tidak terlibat dalam organisasi, sebaliknya sebagai pihak ketiga.

4.2 Rekabentuk Penyelidikan

Kaedah kualitatif secara khusus berorientasikan pada eksplorasi, penemuan, dan logik induktif. Dikatakan induktif kerana penyelidik tidak memaksa diri untuk hanya menghadkan kajian pada keupayaan menerima atau menolak dugaan-dugaannya, melainkan cuba memahami situasi sesuai dengan bagaimana situasi tersebut menampilkan diri. Analisis induktif bermula dengan pemerhatian khusus, yang akan memunculkan tema-tema, kategori-kategori, dan pola hubungan di antara kategori-kategori tersebut.

Dalam kajian kualitatif, pengumpulan data dilakukan pada keadaan yang semula jadi, sumber data primer, dan teknik pengumpulan data yang banyak pada pemerhatian peranan serta, temubual secara mendalam dan dokumentasi. Marshall & Rossman, (1995), menegemukakan: "kaedah asas bergantung kepada oleh penyelidik kualitatif untuk mengumpul maklumat, penyertaan dalam persekitaran, pemerhatian langsung, temubual mendalam, dokumen ulasan". Penyelidik mencari maklumat dengan turun langsung ke masyarakat untuk mendapatkan hasil yang maksimum.

Mengikuti Creswell, (1994), mengemukakan: makna kajian yang dibimbing oleh paradigma kualitatif ditakrifkan sebagai: "Suatu proses kajian untuk memahami masalah-masalah manusia atau sosial dengan mencipta gambaran menyeluruh dan kompleks yang disajikan dengan kata-kata, melaporkan pandangan terperinci yang diperolehi dari para sumber maklumat, serta dilakukan dalam latar (setting) yang alamiah." Kajian akan lebih mudah untuk menggambarkan semua masalah dan menulisnya secara terperinci dari yang sudah di dapati secara mendalam dan berpatutan.

Sementara menurut Denzin & Lincoln, (1994). mengemukakan: kajian kualitatif esensinya bersifat terhadap pandangan naturalistic-pendekatan interpretatif terhadap pokok persoalan kajian dan suatu kritik yang berterusan terhadap politik dan kaedah positivisme. Penyelidik kualitatif menekankan realiti yang dibentuk secara sosial, hubungan yang erat antara penyelidik dan yang diteliti dan ciri kajian yang sarat nilai.

Dalam mendeskripsikan kegiatan yang dilakukan oleh kakitangan Daerah Kubang Pasu dalam pengurusan dan kesiapsiagaan banjir, penulis melakukan temuduga yang berfungsi untuk mendapatkan gambaran secara langsung mengenai aktiviti yang dilakukan mereka. Selain itu data sekunder juga di mana ianya terdiri daripada struktur organisasi dan data geografi Daerah Kubang Pasu untuk mendeskripsikan subjek penulisan.

4.2.1 Data Primer

Data Primer diperolehi melalui kaedah-kaedah berikut:

- a. Pemerhatian , pemerhatian iaitu mengadakan pengamatan secara langsung ke lokasi penelitian untuk mengetahui pelbagai hal tentang tujuan yang diteliti. (Stainback, 1988), mengemukakan dalam pemerhatian peserta, penyelidik yang memerhatikan apa yang orang lakukan, mendengar apa yang mengatakan, dan mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti mereka. Perbincangan secara temubual dengan agensi-agensi yang terlibat dalam organisasi Jawatankuasa Bencana Banjir Peringkat Daerah. Temubual dijalankan secara bersemuka dengan Setiausaha Pejabat Daerah Kubang Pasu

dan yang terlibat kesiapsiagaan bencana banjir dalam Bilik Gerakan Banjir Kubang Pasu bagi mendapatkan gambaran mengenai organisasi di dalam pelan tindakan serta aktiviti-aktiviti kesiapsiagaan bencana banjir yang dilaksanakan diperingkat Pejabat Daerah Kubang Pasu.

Seterusnya, temubual turut dijalankan dengan wakil-wakil daripada Jawatankuasa Bencana Banjir Peringkat Daerah bagi memperolehi tahap penyertaan awam serta pemahaman mereka terhadap peranan dan kepentingan kesiapsiagaan bencana banjir di Daerah Kubang Pasu. Mengikuti (Kristin, 2002), mengemukakan: “temubual adalah di tengah-tengah penyelidikan sosial”. Jika kita melihat melalui hampir mana-mana jurnal sosiologi, kita akan dapati kebanyakan kaedah dalam penyelidikan sosial adalah berdasarkan kepada temuduga, sama ada standard atau lebih mendalam.

- b. Kajian soal selidik turut dijalankan ke atas masyarakat setempat.

Menggunakan kaedah yang sama iaitu temubual dengan masyarakat setempat maka maklumat yang akan diperolehi dapat menggambarkan keadaan sebenar pelaksanaan kesiapsiagaan bencana banjir di peringkat Pejabat Daerah Kubang Pasu pada masa kini.

4.2.2 Data Sekunder

Data ini diperolehi melalui pembacaan berbagai sumber seperti buku-buku rujukan, akhbar-akhbar tempatan serta laman-laman web di internet berkenaan kesiapsiagaan bencana banjir. Di samping itu, maklumat sekunder juga diperolehi

melalui laporan-laporan yang dikeluarkan sendiri oleh Pejabat Daerah Kubang Pasu terutama yang berkaitan dengan kesiapsiagaan bencana banjir.

4.3 Kaedah Analisis

Pendekatan analisis kandungan seperti mana yang dicadangkan oleh (Milles, 1998) telah digunakan untuk menganalisa temubual. Menurut (Burn, 1995) analisis kandungan merupakan analisis yang sering digunakan dalam kajian kualitatif. Analisis kandungan digunakan untuk mengenalpasti tema, konsep, dan makna.

Dalam menuliskan aktiviti pengurusan banjir yang dilakukan Pejabat Daerah Kubang Pasu ini, penulis menggunakan data yang diperolehi dari hasil temuduga dan data sekunder untuk mendeskripsikan dan mengaitkan dengan kajian literature yang disyorkan oleh arahan no. 20 MKN dan mengenai kesiapsiagaan komitmen, pengetahuan dan sistem operasi struktur terhadap efektif dan efesiensi pengurusan banjir. Sehingga akan terbaca secara naratif sebagai rujukan ilmiah.

BAB LIMA

DAPATAN KAJIAN

5.1 Pengenalan

Pada musim hujan dan berlaku cuaca hujan yang tidak menentu maka Pejabat Daerah Kubang Pasu melakukan mesyuarat kesiapsiagaan dalam tertumpu kepada bencana banjir yang sering melanda Daerah Kubang Pasu ini terutamanya dimusim tengkujuh. Akibatnya banyak kawasan-kawasan rendah ditenggelami air dan mengakibatkan kerosakan serta kemusnahan harta benda dan turut mengorbankan nyawa manusia. Banjir yang melanda Daerah Kubang Pasu boleh dikategorikan kepada banjir kilat/ribut tropika dan banjir monsun. Banjir kilat biasanya berlaku di kawasan pembangunan yang tidak mempunyai sistem saliran yang mampu menanggung jumlah air yang banyak secara tiba-tiba.

Daerah Kubang Pasu ialah Daerah yang potensi bencana banjir yang sangat tinggi bukti kejadian dapat dilihat dalam tahun 2010. Salah satunya ialah bencana banjir kilat, 90% adalah kawasan tanah rata dan 10% kawasan tanah tinggi. Oleh kerana itu tujuan kajian penulis akan mendeskripsikan pelan tindak kesiapsiagaan pengendalian bencana banjir (flood management) yang dilakukan Pejabat Daerah Kubang Pasu dan adalah faktor-faktor seperti komitmen, pengetahuan (latihan) dan sistem operasi mempunyai kaitan dengan kesiapsiagaan tersebut.

5.2 Kaedah analisis

Dalam kajian ini, kaedah analisis yang digunakan adalah kaedah naratif-diskriptif yang akan memerihalkan hubungan komitmen, pengetahuan dan sistem operasi dengan sistem kesiapsiagaan menghadapi bencana banjir.

Untuk temubual yang berkaitan mengenai kesiapsiagaan bencana banjir, responden yang di ambil dari organisasi kerajaan Pejabat Daerah Kubang Pasu dan agensi-agensi yang berkaitan serta masyarakat yang menjadi sasaran bencana banjir. Berikut adalah pihak yang telah memberikan kerjasama bagi mendapatkan maklumat dalam sesi temubual yang dijalankan iaitu :

JADUAL 2 RESPONDEN

Responden	Jawatan	Tahun Penyelaras Kerja	Dan lain-lain
1. Tuan Haji Anuar Ahmad	Setiausaha Program	2010	-
2. Tuan Anwar Mat Isa	Kakitangan PDKP	2008	-
3. Tuan Haji Mohd Shabbri Othman	Pengarah JKM	2009	-
4. Tuan Haji Mohammad Ali Mustaza Mohamed	Penghulu Mukim Malau	2008	-
5. Puan Rogayah Baharom	Suri Rumahtangga	-	-
6. Puan Siti Fatimah Othman	Suri Rumahtangga	-	-

Dari hasil temubual penyelidik dapat memproses hasil penglibatan pihak-pihak yang berkaitan. Selain itu ia juga dapat membantu dalam mengenalpasti apakah peranan bagi pihak yang telah melakukan temubual.

Menurut (Patton, 1980) menyatakan terdapat tiga jenis teknik temubual iaitu temubual formal, temubual tidak formal dan temubual terbuka. Mengikuti (Fontana & Frey, 1994) serta (Merriem, 1998) juga menyatakan terdapat tiga jenis temubual iaitu temubual berstruktur, temubual separa berstruktur, dan temubual tidak berstruktur.

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan hasil temubual tidak berstruktur. Ia dilakukan dalam situasi tidak formal. Kaedah ini memberi peluang kepada pengkaji meneroka dan membuat interpretasi mengenai perasaan dan ideanya sendiri.

5.3 Analisis berdasarkan komitmen, pengetahuan, dan sistem operasi serta target kesiapsiagaan menghadapi bencana banjir.

Dari temubual ini dapat diketahui tumpuan utama kepada pengurusan bencana ke arah pengurangan risiko secara berterusan dalam kesiapsiagaan menghadapi banjir oleh Pejabat Daerah Kubang Pasu terutama pihak yang berkaitan dalam Jawatankuasa Bencana Banjir (Peringkat Daerah).

5.4 Pertalian Antara Komitmen dan Kesiapsiagaan Menghadapi Bencana di Daerah Kubang Pasu

Pertalian antara komitmen dan kesiapsiagaan menghadapi bencana di Daerah Kubang Pasu penyelidik mendapati bahawa terdapat adanya komitmen dari Kerajaan dan masyarakat. Kerajaan dan masyarakat untuk secara bersama-sama melaksanakan usaha-usaha terintegrasi dengan mengoptimumkan seluruh sumber-sumber yang dimiliki. Kerajaan telah mengambil langkah-langkah dengan membentuk unit kesiapsiagaan bencana banjir diharapkan mempunyai kemampuan secara profesional untuk melakukan usaha-usaha pada peringkat awal respons kecemasan secara cepat dan tepat. Khususnya bagi Daerah Kubang Pasu, Pejabat Daerah Kubang Pasu hanya boleh memberikan kuasa untuk apa-apa yang akan berlaku apabila terjadi dalam kesiapsiagaan.

Komitmen dari Pejabat Daerah Kubang Pasu berdasarkan jawapan dari hasil temubual dengan kakitangan Pejabat Daerah Kubang Pasu Tuan Haji Anuar bin Ahmad selaku setiausaha pada pengerusi dari Bilik Gerakan Banjir Kubang Pasu (komunikasi bersemuka, 24 Oktober 2010) *“Pejabat Daerah Kubang Pasu sebagai jawatankuasa untuk menerima laporan serta pengerusi bencana daerah dan membuat putusan “.*

Sedangkan menurut Tuan Anwar bin Mat Isa selaku pembantu ketua bahagian pembangunan pada Pejabat Daerah Kubang Pasu(komunikasi bersemuka 31 Oktober 2012) *"Dari laporan yang diterima akan dibuat senarai apa sahaja yang akan dibincangkan dalam mesyuarat, mesyuarat tersebut boleh sahaja bersifat kecemasan. Maka akan ada pemanggilan terhadap yang berkepentingan untuk hadir".*

Fungsi Pejabat Daerah Kubang Pasu di sini hanya sebagai penerima laporan dan membuat senarai yang bersifat darurat dan tidak darurat. Pejabat Daerah Kubang Pasu bertindak sebahagian pusat penentu apakah persesuaian atau tidak keperluan dana yang digunakan dan yang akan digunakan.

Pejabat Daerah Kubang Pasu juga bertindak untuk menganggarkan kos bayaran bagi mengurus bencana banjir setiap tahun dan langsung diberikan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk dipergunakan. Berdasarkan temuduga berkaitan dengan bayaran bencana banjir lebih diberikan kepada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebagai pihak berkuasa mengatur segala perbelanjaan untuk bekalan keperluan asas lebih awal ke pangkalan hadapan.

Komitmen dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berdasarkan jawapan dari hasil temubual dengan pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Tuan Haji Mohd Shabbri bin Othman selaku Pengerusi (Komunikasi bersemuka 13 November 2012) “ *Biaya yang diberikan untuk bekalan keperluan asas, makanan dan penyediaan peralatan/catuan* “.

Disini komitmen Jabatan Kebajikan Masyarakat harus memastikan pelaksanaan serta pelan tindakan oleh agensi-agensi yang terlibat dalam pengurusan kesiapsiagaan bencana banjir berdasarkan garis panduan MKN No. 20.

Komitmen berdasarkan jawapan dari hasil temubual dengan Tuan Haji Mohamad Ali Mustaza bin Mohamed selaku Penghulu Mukim Malau (komunikasi bersemuka, 17 Oktober 2012) “ *apabila Pegawai Daerah telah memerintahkan untuk kesiapsiagaan menyediakan tempat pemindahan bagi mukim-mukim yang terkena bencana banjir, maka JKM bertugas bersama penghulu mukim untuk membuat senarai-senarai pusat pemindahan banjir* “.

Dalam hal ini, Penghulu Mukim Malau selaku penghulu yang kawasan mukimnya mempunyai risiko bencana banjir telah menunjukkan komitmen yang tinggi dengan bersiap sedia untuk melakukan proses pemindahan segera mangsa-mangsa banjir ke tempat yang selamat dengan memastikan proses pemindahan tersebut dapat dijalankan dengan lancar tanpa sebarang kesulitan.

Komitmen berdasarkan jawapan dari temubual dengan Puan Rogayah binti Baharom dan Puan Siti Fatimah binti Othman selaku korban yang terkena banjir ialah (komunikasi bersemuka, 18 Oktober 2010) "*Membaiki dan menaiktarafkan rumah atau tempat tinggal dan mengikuti arahan untuk pergi ke tempat pemindahan apabila banjir yang datang lebih besar risikonya dan tidak membuang sampah supaya longkang -longkang tidak terhambat alur air "*.

Disini masyarakat diarahkan untuk melakukan gotongroyong untuk melakukan kesiapsiagaan bencana banjir untuk menangani terjadinya luapan air dari longkang-longkang yang tersumbat.

5.5 Pertalian Antara Pengetahuan Dan Kesiapsiagaan Menghadapi Bencana Banjir di Daerah Kubang Pasu

Pejabat Daerah Kubang Pasu secara dalaman dan luaran melibatkan berkongsi pihak untuk ikut serta dalam pengurusan banjir. sosialisasi bertulis dan melalui kaunseling atau turun padang. Pengetahuan dan keupayaan pihak kerajaan, organisasi pemulihan dan respon professional, komuniti dan individu, dalam membuat jangkaan dengan berkesan, bergerak balas terhadap kejadian yang berlaku, dan pulih daripada kesan yang berkemungkinan berlaku, akibat bahaya - bahaya jangka panjang dan pendek atau keadaan yang berkaitan.

Pengetahuan dari Pejabat Daerah Kubang Pasu berdasarkan jawapan dari hasil temubual dengan kakitangan Pejabat Daerah Kubang Pasu Tuan Haji Anuar bin Ahmad selaku setiausaha pada pengerusi pembantu tadbir keselamatan dari Bilik Gerakan Banjir Kubang Pasu (komunikasi bersemuka, 24 Oktober 2010) "*Melalui*

sistem amaran awal berasaskan masyarakat, pengkajian risiko, pendidikan, dan mekanisme pengurusan bencana, kerajaan berusaha agar setiap warga negara mempunyai pengetahuan dan mampu secara berdikari, selalu siap sedia dalam menghadapi bencana. Semua itu dilakukan untuk mewujudkan masyarakat agar lebih aman dan siap menghadapi bencana. Persepaduan polisi dengan peranan serta masyarakat secara umum mengenai risiko bencana, sangat diperlukan sebagai salah satu kayu ukur kemampuan bangsa dalam mengurangkan risiko bencana”.

Tindakan ketersediaan dijalankan dalam konteks pengurusan risiko bencana, dan bertujuan membina keupayaan yang diperlukan bagi menguruskan pelbagai jenis kecemasan dan mencapai proses peralihan teratur. Pengetahuan dan keupayaan pihak kerajaan, organisasi pemulihan dan respons professional, komuniti dan individu, dalam membuat jangkaan dengan berkesan, bergerak balas terhadap kejadian yang berlaku, dan pulih daripada kesan yang berkemungkinan berlaku, akibat bahaya - bahaya jangka panjang dan pendek atau keadaan yang berkaitan daripada respons terhadap bencana sehinggalah proses pemulihan yang dapat dikekalkan.

Pengetahuan menurut Tuan Anwar bin Mat Isa selaku pembantu ketua bahagian pembangunan pada Pejabat Daerah Kubang Pasu (komunikasi bersemuka, 31 Oktober 2012) “*Semua pelan tindakan dalam kesiapsiagaan bencana banjir sudah ada dalam ketersediaan dari Arahan No.20 Majlis Keselamatan Negara (MKN)”.*

Ketersediaan merangkumi analisis bunyi risiko bencana, hubungan baik dengan sistem amaran awal, dan aktiviti seperti pelan kontigensi, simpanan stok

peralatan dan bekalan, pembangunan susunan bagi penyelarasan, pemindahan dan maklumat orang ramai, latihan kemahiran yang berkaitan dan latihan di lapangan. Ini semua perlu disokong oleh institusi rasmi, keupayaan bajet dan undang-undang.

Langkah kesiapsiagaan berdasarkan pengetahuan telah tertakluk pada Arahan No.20 Majlis Keselamatan Negara (MKN) :

1. LATIH AMAL ANTARA AGENSI
2. KESEDARAN DAN KEPENDIDIKAN AWAM
3. LATIHAN DAN KURSUS.

Pengetahuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berdasarkan jawapan dari hasil temubual dengan pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Tuan Haji Mohd Shabbri bin Othman selaku Pengerusi (Komunikasi bersemuka, 13 November 2012) *“kesiapsiagaan bencana banjir dilakukan dengan memberikan maklumat kepada warganya tentang pengetahuan yang benar mengenai bencana banjir. Setiap warga di Daerah Kubang Pasu, secara berkala melakukan latihan bagaimana melindungi diri, bagaimana bertindak balas bencana banjir secara tepat dan cepat”*.

Kesiapsiagaan sebelum bencana banjir hendaklah disyorkan kepada masyarakat sebagaiberikut:

1. Dapatkan maklumat mengenai banjir melalui pengumuman radio, televisyen dan pihak-pihak yang berkiatan seperti bilik gerakan banjir negeri atau daerah.
2. Pastikan saluran perparitan di kawasan sekitar rumah tidak tersekat.
3. Pastikan lokasi pusat pemindahan.

4. Letakkan dokumen penting dalam bekas kalis air dan simpan di tempat yang selamat.
5. Simpan bekalan makanan dan air bersih yang mencukupi.
6. Pastikan bekalan ubat mencukupi bagi yang menghadapi penyakit kronik.
7. Sediakan barang keperluan asas yang paling penting seperti susu anak, ubat-ubatan, lampu suluh, beg pakaian dan peralatan lain sebelum diarah berpindah.

Pengetahuan umum mengenai risiko bencana, faktor yang membawa kepada bencana dan tindakan yang boleh diambil oleh individu secara berseorangan atau berkumpul bagi mengurangkan pendedahan dan kerentanan kepada perkara bahaya.

Pengetahuan berdasarkan jawapan dari hasil temubual dengan Tuan Haji Mohamad Ali Mustaza bin Mohamed selaku Penghulu Mukim Malau (komunikasi bersemuka, 17 Oktober 2012) “ *Sedia upaya mengembangkan pengetahuan kesiapsiagaan bencana banjir di daerah mukimnya yang terkena banjir memang bukanlah hal yang mudah. Namun, semuanya harus dilakukan agar risiko bencana banjir di daerah mukimnya boleh diterima pakai dengan baik* “.

Kesedaran masyarakat umum ialah faktor utama dalam pengurangan risiko bencana secara efektif. Pembentukan kesedaran masyarakat umum boleh dicanang, misalnya, melalui pembentukan dan penyebaran maklumat melalui media dan saluran pendidikan, penubuhan pusat dan rangkaian maklumat, dan komuniti atau tindakan susulan, dan juga sokongan dari pada Pegawai Tinggi Perkhidmatan Awam dan Pentadbir Komuniti.

Pengetahuan berdasarkan jawapan dari temubual dengan Puan Rogayah binti Baharom dan Puan Siti Fatimah binti Othman selaku korban yang terkena banjir (komunikasi bersemuka, 18 Oktober 2012) *“Dengan adanya bimbingan, latihan amal untuk masyarakat (simulasi), kesedaran kependidikan awam dan latihan dan kursus ketika bencanabanjir datang tidak lagi bingung harus melakukan apa”*.

Pengetahuan merupakan salah satu sektor strategik dalam mewujudkan kesiapsiagaan masyarakat akan bencana. Integrasi melalui kurikulum pendidikan formal, pembangunan muatan tempatan hingga penggalian kearifan tempatan melalui cerita, tutur dan pentas kesenian tradisional boleh saja dilakukan. Tentu saja semua itu perlu disesuaikan dengan ciri-ciri dan keperluan daerah bencana itu sendiri.

Kesiapsiagaan bagi masyarakat awam akan bencana banjir tidak hanya diketahui sekadar memberikan maklumat sahaja. Pengetahuan diperlukan penerapannya dalam hal mempraktikkan untuk selalu siap sedia menghadapi bencana yang menimpa bila-bila masa.

Kesiapsiagaan bukanlah reaksi spontan atas masalah, arahan, dan imbauan untuk masyarakat. Kesiapsiagaan merupakan hasil dari suatu kerja keras latihan terus-menerus dan pengetahuan yang diujiterapkan untuk mengembangkan kemahiran dalam menghadapi bencana. Dalam kesiapsiagaan, hal yang mendesak dan yang paling penting adalah bagaimana memupuk dan mengembangkan rasa solidariti sosial dan penyertaan masyarakat melalui pemahaman yang baik terhadap setiap risiko bencana.

5.6 Pertalian Antara Sistem Operasi Dan Kesiapsiagaan Menghadapi Bencana Banjir Di Daerah Kubang Pasu

Jawatankuasa Bencana Banjir (Peringkat Daerah) mempunyai suatu gerakan yang namanya Bilik Gerakan Banjir yang dibentuk sudah lama. Bilik Gerakan Banjir ini bertugas apabila adanya Sistem Amaran Awal Bencana dan akan bertugas selama 24 jam secara bergantian. Pertemuan atau mensyuarat dilakukan satu minggu atau setiap hari apabila ada apa-apa yang terjadi dan diperlukan.

Sistem operasi dari Pejabat Daerah Kubang Pasu berdasarkan jawapan dari hasil temubual dengan kakitangan Pejabat Daerah Kubang Pasu Tuan Haji Anuar bin Ahmad selaku setiausaha pada pengerusi pembantu tadbir keselamatan dari Bilik Gerakan Banjir Kubang Pasu kesediaan sistem operasi dalam menghadapi bencana banjir dinilai telah mempunyai persediaan cukup (komunikasi bersemuka, 24 Oktober 2010) *“Kalau kita tengok sekarang, yang saya lihat, sangat siap. Peralatan siap. Pengerusi dan agensi-agensi juga siap. Tinggal nanti bagaimana pengurusan di lapangan. Ini yang akan kita cuba sekarang,”*

Sistem operasi untuk setiap jabatan-jabatan telah ada dari Arahan No.20 Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang ada dimuatkan di Bab II.

Berdasarkan jawapan dari hasil temubual dengan pegawai Pejabat Daerah Kubang Pasu Tuan Haji Anuar bin Ahmad selaku setiausaha pada pengerusi

pembantu tadbir keselamatan (komunikasi bersemuka 31 Oktober 2012) ”*Secara dalaman Pegawai Daerah Kubang Pasu memberi arahan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan penghulu-penghulu agar dapat memberi amaran kepada masyarakat apa-apa saja kesiapsiagaan yang harus dilakukan apabila akan terjadi bencana banjir. Dan secara eksternal dari Jabatan Meteorologi Daerah memaklumkan pemantau cuaca akan berlaku bencana banjir dan dari pihak Jabatan Pengairan dan Saliran memaklumkan pemantauan paras ketinggian air*“.

Sistem operasi yang dilakukan dengan melakukan pengenalan dan pengorganisasian sumber. Pengenalan jurang dan penyediaan sumber merangkumi pengenalan kompetensi dan kemahiran kakitangan yang diperlukan. Di samping itu perlu dilakukan pengenalan keperluan peralatan, dana dan kaedah yang ideal serta usaha terancang untuk dipenuhi berdasarkan skala keutamaan.

Pengorganisasian sumber dilakukan dengan memastikan tugas dan tanggungjawab penyelenggaraan Bilik Gerakan Banjir terbahagi dan dilaksanakan oleh semua pihak-pihak yang berkepentingan. Selain itu dengan menempatkan anggota-personilnya sesuai dengan kompetensi dan kemahiran yang dimiliki. Dan sebagai hasilnya adalah peralatan dan personel terlatih boleh dimobilisasi dalam situasi kedaruratan secara cepat dan tepat.

Sistem operasi menurut Tuan Anwar bin Mat Isa selaku pembantu ketua bahagian pembangunan pada Pejabat Daerah Kubang Pasu (Komunikasi bersemuka 13 November 2012) “*Kerana bencana banjir datangnya relatif cepat, untuk mengurangkan kerugian akibat bencana tersebut perlu dipersiapkan pengendalian*

secara cepat, tepat dan bersepadu. Sebahagian tugas Pejabat dan atau Badan Undang-undang yang menguruskan Wilayah Sungai adalah melaksanakan kawalan banjir dan penanggulangan kekeringan. Untuk menyokong pelaksanaan tugas tersebut diperlukan manual teknikal pengurusan banjir”.

Dimaksudkan ialah sebagai acuan kerja Pejabat dan atau Badan Undang-undang yang menguruskan kawasan sungai dan agensi lain dalam menjalankan aktiviti pengurusan banjir agar dapat dilaksanakan secara cepat, tepat dan berjaya guna sesuai dengan pola pengurusan kawasan sungai. Garis panduan ini digunakan bersama garis panduan lain yang berkaitan dengan maksud saling melengkapi.

Garis panduan ini merangkumi kawalan banjir dan penanggulangan bencana banjir terdiri dari subjek yang berkaitan dengan pengertian, institusi, pengurusan, pembiayaan dan koordinasi.

Sistem operasi dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berdasarkan jawapan dari hasil temubual dengan pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Tuan Haji Mohd Shabbri bin Othman selaku Pengerusi “Dalam kawalan banjir, diperlukan peruntukan dana yang diusahakan selalu tersedia. Dana yang diperlukan tersebut harus diperuntukkan sebagai dana cadangan yang berpunca dari JPBBB, JPBBN dan JPBBP atau sumber dana yang lain. Dana cawangan disediakan mengikut peruntukan yang berlaku. Tahapan-tahapan Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana ada dalam bab II yang bersumber dari Arahan No.20 Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Sistem operasi berdasarkan jawapan dari hasil temubual dengan Tuan Haji Mohamad Ali Mustaza bin Mohamed selaku Penghulu Mukim Malau (komunikasi bersemuka, 17 Oktober 2012) ”*Terselenggaranya pengurusan banjir yang menyeluruh dan bersepadu dalam sistem wilayah sungai sehingga mangsa, kerosakan atau kerugian harta benda dan atau kerosakan persekitaran sebagai kesan tak terkendalinya daya rosak air dapat dicegah dan dielakkan, atau diusahakan menjadi seminimal mungkin*”.

Sebagai penghulu mukim Malau harus memaklumkan paras ketinggian air sungai sebagai amaran awal kesiapsiagaan, sehingga pelan tindakan untuk mencegah mangsa, kerosakan dan kerugian harta benda masyarakat dapat diselamatkan.

Sistem operasi berdasarkan jawapan dari temubual dengan Puan Rogayah binti Baharom dan Puan Siti Fatimah binti Othman selaku masang yang terkena banjir (komunikasi bersemuka, 18 Oktober 2012) “*untuk masyarakat memahami bahawa tanda-tanda adanya banjir besar adalah adanya hujan deras, hujan lebat, hujan yang turun dalam waktu lama, air keruh setelah adanya hujan, debit adanya air lebih tinggi, adanya suara gemuruh angin, banyak pokok tumbang dan terbawa ke masyarakat. Selain itu ada tanda-tanda lain (mitos) bahawa adanya suara burung tertentu menandakan akan adanya banjir besar*”.

Pengalaman adanya banjir akan memberikan kesan pada perilaku masyarakat dalam menghadapi bencana banjir besar. Pengalaman ini merupakan gambaran diskriptif dari kejadian banjir besar yang berlaku di Daerah Kubang Pasu.

Sistem operasi Tanda-tanda banjir besar merupakan ciri-ciri yang ada sebelum berlaku banjir besar atau dengan kata lain hal-hal yang menandakan akan segera terjadi banjir besar. Hal ini menjadi penting mengingat adanya ciri-ciri ini akan memberikan tanda (sign) masyarakat yang ada di daerah sering terjadi bencana banjir. Tanda-tanda banjir besar merupakan ciri-ciri yang ada sebelum berlaku banjir besar atau dengan kata lain hal-hal yang menandakan akan segera terjadi banjir besar. Hal ini menjadi penting mengingat adanya ciri-ciri ini akan memberikan tanda (sign) masyarakat yang ada di kawasan berisiko bencana seperti SISTEM AMARAN AWAL BENCANA.

5.7 Target

Pengerusi bencana banjir yang efisiensi dilakukan dengan adanya Arahan No.20 Majlis Keselamatan Negara (MKN), yang dilakukan Pejabat Daerah Kubang Pasu untuk mencapai pengurusan yang berkesan boleh dilihat tahap akhir dari kesiapsiagaan adalah target.

Berdasarkan jawapan dari hasil temubual dengan Pegawai Pejabat Daerah Kubang Pasu Tuan Haji Anuar bin Ahmad selaku setiausaha pada pengerusi pembantu tadbir keselamatan (komunikasi bersemuka, 24 Oktober 2010) “*Targetnya ialah tindakan pembaikan merangkumi maklumat aktiviti-aktiviti penambahbaikan yang perlu dilakukan, target masa pelaksanaan dari setiap kegiatan tersebut sehingga dapat dipantau untuk memastikan implementasinya sesuai dengan sasaran peningkatan kapasiti yang akan dicapai, dan pelaksanaan pembaikan*”.

Tindakan perbaikan penggunaan sumber tempatan yang tersedia didalam usaha penanggulangan bencana, tercermin pada :

1. Pencegahan

- Menaiktarafkan longkang-longkang dikawasan yang sering terkena banjir. Longkang-longkang yang sedahulunya terlalu kecil untuk dilewati saluran air dan tidak boleh dilalui sampah sehingga longkang-longkang banyak yang tersumbat dan saluran air tidak sesuai lagi kapasiti penampungannya.

- Pembukaan saluran sungai yang baharu

Untuk pencegah banjir dibuka saluran sungai yang baharu oleh JPS (Jabatan Pengairan dan Sungai). Contohnya rancangan tebatan banjir sungai keroncho, Jitra, Kedah. Dengan menanam RC (Radio Controls) post panel Wellquard system. Garis panduan ini dimaksudkan sebagai acuan kerja Pejabat dan / atau Badan Undang-undang yang menguruskan kawasan sungai dan agensi lain dalam menjalankan aktiviti pengurusan banjir agar dapat dilaksanakan secara cepat, tepat, dan berjaya guna; sesuai dengan pola pengurusan kawasan sungai. Garis panduan ini digunakan bersama garis panduan lain yang berkaitan dengan maksud saling melengkapi. Tujuan garis panduan ini adalah terselenggaranya pengurusan banjir yang menyeluruh dan bersepadu dalam sistem wilayah sungai, sehingga korban jiwa, kerosakan atau kerugian harta benda dan / atau kerosakan persekitaran sebagai kesan tak terkendalinya daya rosak air dapat dicegah dan dielakkan, atau diusahakan menjadi seminimal mungkin.

2. Kesiapsiagaan.

Pejabat Daerah Kubang Pasu melakukan koordinasi dengan jabatan-jabatan terkait seperti JPS, JKM, Bomba, Polis diraja, Kesihatan dan lain-lain.

Target menurut Tuan Anwar bin Mat Isa selaku pembantu ketua bahagian pembangunan pada Pejabat Daerah Kubang Pasu (komunikasi bersemuka 31 Oktober 2012) *“Adanya pembaikan untuk masa hadapan dalam kesiapsiagaan banjir, seperti penyiapan peta untuk cawangan program pencegahan”*.

Tindakan pembaikan menyiapkan peta daerah sering terjadi bencana. yang tepat dan dapat memberikan imej yang jelas tentang lokasi yang sering terjadi bencana banjir terhadap risiko bencana. Hal ini dimaksudkan untuk memudahkan para penganalisis untuk membuat cawangan program pencegahan. Mengupayakan target / sasaran 100% melalui implentasi pelaksanaan program penegahan dan kesiapsiagaan yang akan dilaksanakan.

Target dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berdasarkan jawapan dari hasil temubual dengan pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Tuan Haji Mohd Shabbri bin Othman selaku Pengerusi (Komunikasi bersemuka 13 November 2012) *“Dalam kaitan target kesiapsiagaan tersebut, Daerah Kubang Pasu perlu melakukan usaha nyata antara lain melalui polisi, perancangan masa hadapan dan pelan tindakan operasi untuk menghadapi ancaman banjir di daerah melalui koordinasi JPS, kesihatan, polis diraja, bomba dan lain-lain”*.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) harus bekerjasama pada jabatan-jabatan lain untuk melakukan target dan pelan tindakan dalam menghadapi ancaman

banjir di daerah sering terjadinya bencana banjir serta mengikuti arahan dari Pegawai Daerah pada Pejabat Daerah Kubang Pasu.

Target berdasarkan jawapan dari hasil temubual dengan Tuan Haji Mohamad Ali Mustaza bin Mohamed selaku Penghulu Mukim Malau (komunikasi bersemuka, 17 Oktober 2012) *“Penghulu harus sering turun padang, akan lebih memahami persoalan warga dan boleh mencarikan penyelesaian yang tepat untuk mengatasi masalah yang dihadapi rakyat”*.

Kalau tidak mengerti permasalahan, maka tidak akan menemukan jalan keluar dan masyarakat tidak akan terpuaskan. sehingga siap menjalankan seluruh persoalan masyarakat yang terkena bencana banjir.

Target berdasarkan jawapan dari temubual dengan Puan Rogayah binti Baharom dan Puan Siti Fatimah binti Othman selaku korban yang terkena banjir (komunikasi bersemuka, 18 Oktober 2012) *“melibatkan masyarakat dalam pengendalian bahaya banjir boleh dilakukan dengan cara struktur dan tidak terstruktur. Pengendalian yang bersifat tidak terstruktur iaitu sesuatu kegiatan penyesuaian sedemikian rupa sehingga jika berlaku banjir, maka kerugian atau bencana yang ditimbulkannya dapat ditekan sekecil mungkin dan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat dalam menghadapi bencana”*.

Penyertaan masyarakat adalah suatu proses penglibatan masyarakat secara sedar dan nyata dalam beberapa siri proses pembangunan bermula dari peringkat

pelan hingga pada peringkat mengendalikan program pembangunan. Namun demikian penglibatan masyarakat perlu dilakukan secara terancang, teratur, dan diukur.

BAB ENAM

KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1. Kesimpulan

Usaha kesiapsiagaan penanggulangan bencana banjir yang berkesan dilakukan sejak dari prabencana atau kesiapsiagaannya. Dari komitmen yang telah selama ini dijalankan pengurusan bencana adalah satu kemestian yang perlu dinaikkan tarafnya. Kepentingan rakyat adalah lebih utama dan sepatutnya diberi keutamaan daripada kerana birokrasi. Sehubungan itu untuk memastikan semua tindakan yang diambil untuk menangani bencana harus difikir secara kolektif dan efektif.

Begitu juga dengan perenggan-perenggan dibawah ini penyertaan masyarakat dalam menangani pengurangan risiko bencana banjir dilakukan dengan tindakan-tindakan melalui paparan lokasi bahaya dan pengenalan pola kerentanan fizikal. Pengurangan risiko bencana banjir merupakan seluruh rangkaian aktiviti dari awal hingga akhir (satu kitaran) yang meliputi: pencegahan, kesiagaan dan amaran awal.

Peningkatan kesiapsiagaan perlu dilakukan dengan tepat dan berasaskan masyarakat agar dapat mengurangkan ataupun mengelakkan kerugian baik korban manusia mahupun harta benda akibat bencana banjir besar. Dalam pelaksanaannya memang akan terdapat berbagai macam halangan, oleh kerana itu diharapkan

peranan aktif dan kerjasama daripada semua pemegang kepentingan baik yang ada di pusat mahupun di daerah.

Dari 3 langkah berdasarkan Arahan No.20 MKN maka dapat disimpulkan bahwa dalam kesiapsiagaan perlu adanya latihan. Latihan merupakan suatu elemen yang memainkan peranan sangat penting dalam meningkatkan usaha kesiapsiagaan secara sistematik. Tujuan latihan adalah memberikan peningkatan pengetahuan dan kemampuan / kemahiran melalui pelbagai kaedah yang dapat dikumpulkan menjadi 3 tahap, iaitu latihan, simulasi dan ujian. Latihan bersifat pembekalan untuk meningkatkan pemahaman. Simulasi untuk memberikan latihan keupayaan / kemahiran. Dan uji untuk menilai hasil latihan.

Dengan dibentuknya Bilik Gerakan Banjir dan sistem amaran awalan sebagai sistem operasi, maka aspek kakitangan merupakan salah satu sumber yang sangat menentukan peningkatan prestasi organisasi tersebut. Melihat dari jumlah, pengedaran dan kelayakan / strata tenaga yang diperlukan, maka secara ratio keadaan tersebut belum mencukupi. Sehubungan dengan keadaan tersebut, untuk meningkatkan prestasi organisasi, diperlukan kemampuan dan penerapan pengurusan sumber manusia mulai dari tahap analisis keperluan tenaga, analisis jabatan dan urain kerja, stratafikasi / kelayakan tenaga, requitmen, sistem balas jasa, pembangunan karier hingga sampai usia bersara.

Dengan demikian diharapkan nantinya dapat dilakukan pengoptimuman kakitangan yang ada, iaitu dengan melaksanakan aktiviti peningkatan kualiti sumber manusia melalui program tugas belajar / pendidikan, penjenjangan karier, atau

melibatkan aparat dalam program pembangunan Skill / kemampuan melalui Latihan, Training, Seminar, Bengkel, Desiminasi dll berkaitan dengan tugas pokok pemerintahan dan tugas pembangunan.

Sistem amaran awal yang lengkap dan berkesan terdiri daripada empat elemen yang saling berkaitan. Ia merangkumi segala aspek, daripada pengetahuan mengenai bahaya dan keterdedahan sehinggalah persiapan menghadapi bencana dan keupayaan untuk bertindakbalas semasa bencana. Sistem amaran awal yang paling baik mempunyai elemen yang terhubung kait antara satu sama lain dan saluran komunikasi yang berkesan.

6.2 Halangan Yang Dihadapi Dalam Penulisan:

Selama penulisan kes ini ada beberapa halangan yang dihadapi penyelidiki diantaranya adalah:

1. Dari sepuluh orang yang jadi objek temubual hanya enam yang boleh di muatkan dalam penulisan ini.
2. Bahasa sering menjadi halangan sehingga terjadi kebingungan antara sumber dan penyelidik.
3. Untuk buat janji dengan sumber kadang-kadang mempunyai halangan kerana orang yang dibuat janji mempunyai kegiatan yang lebih penting.
4. Tidak adanya pengangkutan ke tempat objek yang mahu di datangi.

6.2. Cadangan

Sebahagian cadangan sudah sangat teratur dan bekerja dalam projek kesiapsiagaan banjir pada Pejabat Daerah Kubang Pasu. Untuk cadangan seluruhnya

menurut saya hanya perlu dilakukan pada tahap ini untuk mengurangkan atau mengatasi masalah banjir dengan tindakan kesiapsiagaan ialah :

1. Pencegahan (prevention), penjinakan (mitigation) dengan merancang dan membina kawalan banjir seperti Tanggul, sudetan, pengerukan sungai dan sebagainya.
2. Kesiapsiagaan (preparedness) dengan melatih dan memberikan kaunseling kepada masyarakat di kawasan berisiko banjir untuk selalu siap menghadapi banjir yang datang mendadak misalnya bagaimana melakukan evakuasi.
3. Amaran awal (early warning) dengan membuat sistem amaran awal yang boleh dikendalikan pada saat banjir mengancam.

Indikator kejayaan dalam peringkat ini adalah terciptanya masyarakat yang terlatih dalam menghadapi bencana banjir, sistem amaran awal berfungsi dengan baik serta tidak berlaku keresahan masyarakat. Bahagian Pencegahan dan Kesiapsiagaan mempunyai tugas pokok mengadakan pengkajian bahan teknikal, koordinasi, memudahkan dan penyelenggaraan pencegahan dan kesiapsiagaan.

Cadangan yang harus diselesaikan masa hadapan bagi Bilik Gerakan Banjir Pejabat Daerah Kubang Pasu :

1. Pusat penempatan mangsa banjir harus dibuka dengan kawalan apabila tidak dapat menyebabkan berlakunya pertindihan maklumat antara Pejabat Daerah dan JKM.
2. Maklumat pergerakan logistic diluar kawalan.
3. Mohon beliawanis untuk bantu di Bilik Gerakan Banjir Pejabat Daerah Kubang Pasu.

4. Mohon pihak masjid main peranan untuk membantu mangsa banjir.
5. Kerosakan kenderaan Bomba, Polis, Majlis Daerah, MADA akibat banjir mohon diperbaiki.
6. Mohon “walkie talkie” yang mempunyai liputan yang lebih luas.
7. Mohon bot berenjin bersama pemandu ditempatkan di Pejabat Daerah Kubang Pasu.
8. Mohon sebuah trak yang sesuai digunakan semasa banjir bersama pemandu ditempatkan di Pejabat Daerah Kubang Pasu.
9. Mohon Kerajaan Negeri arah semua masjid untuk buat solat hajat supaya dijauhi musibah yang melanda.

Mencipta koordinasi yang baik antara pihak-pihak yang terlibat sesuai dengan fungsi dan peranannya masing-masing, mendahulukan komitmen, pengetahuan seperti sosialisasi yang berkaitan dengan bencana banjir besar, membentuk suatu sistem operasi seperti Sistem Amaran Awal bencana banjir besar yang sesuai untuk dilaksanakan di Daerah Kubang Pasu.

RUJUKAN

- Carter, W. N. (1991). *“Disaster Management : A Disaster Manager’s Handbook.”*
Manila : ADB
- Carter, W. N. (1992), *“Disaster management: A Disaster Manager Handbook.”*
Manila, Philippines: Asian Development Bank
- Creswell, J. W. (1994) *“Research Design : Qualitative and Quantitative Approaches.*
(2nd ed). California: Sage Publications Inc.
- Denzin, K. D. dan Lincoln, Y.S. (Ed.). (1994). *Handbook of Qualitative Research.*
California: Sage Publications, Inc.
- Ersterberg, K. G.(2002). *Qualitative Methods in Social Research*, Mc Graw Hill,
New York.
- Marshall, C. dan Gretchen B. R. (1995). *Designing Qualitative Research*, Second
Edition; Sage Publications, *International Education and Professional
Publisher*, London.
- Merriem, S. B. (1998). *“Qualitative Research and Case Study Applications in
Education”*. (2nd ed). San Francisco: Jossey-Bass
- Messner, F. and Meyer, V. (2005). *“Flood Damage, Vulnerability, and Risk
Perception: Challenge for Flood Damage Research”*, Leipzig-Halle:
UFZ Discussion Paper
- Miles, M.B. and Huberman, A.M. (1994). *“Qualitative Data Analysis : An Expanded
Sourcebook.* “ 2nd ed. Thousand Oask, Califf : Sage.
- Patton, M. Q. (1990). *“ Qualitative Evaluation and Research Methods.”* London:
Sage Publications
- Sugiyono. (2008). *Metode Penelitian Pendidikan.* Bandung: Alfabeta.

Twigg, J. (2004). *“Disaster Risk reduction (Mitigation and Preparedness in Development and Emergency Programming),”* Good Practice Review, No.9 March 2004 London: Overseas Development Institute

Yodmani, S. (2001). *“Disaster Risk Management and Vulnerability Reduction”,* The Asia and Pacific Forum on Poverty: Reforming Policies and Institutions for Poverty Reduction, Manila: ADB

Profail Daerah Kubang Pasu, (2010), Kubang Pasu, Pejabat Daerah Kubang Pasu

Arahan No.20 Majlis Keselamatan Negara (t.t), Kuala Lumpur: Kerajaan Malaysia

Laporan Bencana Banjir Daerah Kubang Pasu Tahun 2010, (2010), Kubang Pasu:
Pejabat Daerah Kubang pasu

Pengurusan Bencana Tahun 2011 – 2012 (2010), Kubang Pasu: Jabatan Kebajikan
Masyarakat

Taklimat SgKeronco Mesy Tindakan Daerah, (2010), Jabatan Pengairan dan Saliran:
Kubang Pasu

<http://www.dvskedah.gov.my>, Pejabat Daerah Kubang Pasu, (25 september, 2010)


<http://www.mdkubangpasu.gov.my>, Majlis Daerah Kubang Pasu, (25 september,
2010)

<http://www.water.gov.my>, The Official for Departement of Irrigation and Drainage
Malaysia, (25 september, 2010)

<http://prpm.dbp.gov.my>, Pusat Rujukan Persuratan Malaysia, (4 januari, 2010)

STRUKTUR ORGANISASI PEJABAT DAERAH KUBANG PASU

Lampiran I



Carta Bilik Gerakan Banjir

Lampiran II

PENGERUSI

**KETUA PENOLONG PEGAWAI DAERAH
(PEMBANGUNAN)**

TIMBALAN PENGERUSI

**PENOLONG PEGAWAI DAERAH
(PENTADBIRAN)**

SETIAUSAHA

PEMBANTU TADBIR KESELAMATAN

PENDAFTARAN PEHUBUNGAN	TEMPAT	MAKANAN	KESIHATAN/ KEBERSIHAN	KEBAJIKAN	KESELAMATAN	OPERASI PENYELAMATAN	PENYEDIAAN MAKANAN
PENGHULU MUKIM	JABATAN PELAJARAN/MASYARAKAT	JKM	KESIHATAN	JKM	POLIS	POLIS/JPA3/BOMBA/ MDKP	PBSM

Menanam RC Post Wellguard System

